



Al-Huda
Bil. 162 DISEMBER 2025M/1447H

Katakan Tidak Kepada **Buli**

Buli itu Satu Penganiayaan - m.s 16

Tangani Isu Buli Tanggungjawab Bersama - m.s 27

Buli Dalam Dunia Digital - m.s 43

Buli - m.s 61

Peringatan Untuk Orang yang Zalim

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala yang mafhumnya:

Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang diberi peringatan dengan ayat-ayat keterangan Tuhannya kemudian dia berpaling daripadanya. Sesungguhnya Kami tetap membalas (perbuatan) orang-orang yang berdosa.

(Terjemahan Surah as-Sajdah ayat 22)

Menu Ilmu

1 TINTA PENGARANG

2 PETIKAN TITAH

3 IRSYAD HUKUM
Perkara yang
Merosak Hubungan
Persaudaraan.

11 KHUTBAH JUMAAT
Adab dan Etika
Berinteraksi Di Media
Sosial.

16 TAFSIR HUKUM
Buli itu Satu
Penganiayaan.

22 KISAH KAUM TERDAHULU
Nabi Shalih 'Alaihissalam
dan Kaum Tsamud

27 MUTIARA HADITS
Tangani Isu Buli
Tanggungjawab Bersama

32 MAQASHID SYARI'AH
Memelihara Kesucian
Agama Islam dalam
Konteks di Negara Brunei
Darussalam.

43 FIQAH
Buli Dalam Dunia Digital

51 BICARA MUSLIMAH
Hak-hak Wanita Selepas
Pembubaran Ikatan
Perkahwinan.

58 KENALI RASUL
Rasulullah Manusia
Paling Sabar.

61 FOKUS
Buli

69 CERPEN
Al-Hadi

89 PUISI
Permata Agamaku

Buli

Di Tempat Kerja



Kerap mencari kesalahan, mengugut dengan niat untuk menakutkan agar taat.



Agenda tersembunyi seperti berbuat baik bila ada agenda sendiri yang memerlukan bantuan.



Claim victim, iaitu mengaku diri sendiri menjadi mangsa keadaan jika terdapat aduan kepada dirinya.



Tinta Pengarang

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ . وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ
 عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ . سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
 وَمَنْ تَبِعَهُ . بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ . وَبَعْدُ

BULI: DIHUKUM DI DUNIA, DIAZAB DI AKHIRAT

Ajaran Islam sangat menentang budaya buli kerana ia bertentangan dengan prinsip Islam yang sangat mengutamakan *karamah insaniah* (kemuliaan insan). Bahkan, petunjuk Islam menuntut umatnya untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan saudara-saudara di sekelilingnya.

Sikap buli adalah satu bentuk kezaliman yang dilarang keras dalam Islam dan juga bercanggah dengan undang-undang di Negara Brunei Darussalam.

Larangan tersebut meliputi sama ada perbuatan yang dilakukan secara fizikal terhadap tubuh badan, atau yang dilakukan secara mental melalui kata-kata yang menyakitkan dan menyinggung emosi. Ringkasnya, perbuatan buli ini boleh membabitkan pelbagai cara, termasuk mempermain-mainkan, mempermalukan, memperolok-olokkan, memperlekehkan, mencaci atau menghina seseorang.

Perbuatan ini pastinya akan membawa kesan buruk bukan sahaja kepada mangsa tetapi juga kepada pembuli itu sendiri serta masyarakat secara keseluruhan. Mangsa akan sering mengalami tekanan emosi yang melampau, kemurungan yang teruk, dan trauma yang berpanjangan. Dalam kes tertentu, ia boleh membawa kepada niat atau tindakan melakukan perbuatan bunuh diri.

Pembuli pula berpotensi menjadi individu yang tidak memiliki perasaan belas kasihan, simpati dan timbang rasa. Mereka ini akan dihukum di dunia melalui undang-undang, dan akan menerima azab sengsara di akhirat kelak.

Kepada pembuli, bertaubatlah! Hentikanlah perbuatan buli dan segala bentuk kezaliman terhadap orang lain sama ada melalui percakapan mahupun perbuatan.

Sekian, wassalam.



REDAKSI **المصدق**

PENASIHAT

Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh
Pengarah

PENOLONG PENASIHAT

Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman
Penolong Pengarah

KETUA PENERBIT

Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim

PENOLONG KETUA PENERBIT

Qairunnisa binti Haji Jalil

PENYELARAS

Rokiah binti Haji Mohamad Serudin

PEMBANTU PENYELARAS

Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim
Md. Zeliha bin Ahad
Azizah binti Hidup
Suriati binti Haji Ali Hussin
Haji Muhammad Aminuddin bin Haji
Jamaluddin

REKA BENTUK & ATURHURUF

Dahlan bin Chuchu

PENULIS JAWI (JUDUL)

Pengiran Yusdi bin Pengiran Rumbli

PENYEMAK AYAT AL-QUR'AN & HADITS

Ramlee bin Haji Kassim

PEMASARAN

Zaerah binti Haji Mus
Hajah Margawati binti Hj. Abd. Rahman
Adi Shahrul bin Mazziz
Nurul Nabilah binti Masri

PENCETAK

EZY Printing Services & Trading Co.

TERBITAN

Pusat Da'wah Islamiah,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam, BB4310.



Petikan Titah

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI
HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN
WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI
WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Peranan Rasulullah adalah bermula selaku pendidik dan pembina keluarga. Baginda mengajarkan sifat ihsan atau kasih sayang, adil dan bertanggungjawab. Kita semua mempunyai tanggungjawab sebagaimana ianya berungkap dalam sebuah hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim bermaksud:

"Setiap daripada kamu adalah pemimpin, dan setiap daripada kamu akan dipertanggungjawabkan terhadap yang dipimpinnya."

Pada hemat Beta, contoh ini yang perlu kita ikut untuk membina dan mendidik anak-anak menjadi insan yang berakhlak mulia dan jauh dari gejala-gejala buruk seperti buli yang sering kita dengar ketika ini.

Ingin Beta tegaskan, perkara seperti ini jangan sampai berlaku di Brunei. Beta tidak mahu adanya di kalangan belia-belia, pelajar-pelajar dan kanak-kanak sekolah di bawah umur di negara ini yang terjerumus, terpengaruh atau terikut-ikut dengan sebarang gejala buruk dan salah laku. Ini bukan budaya Brunei, budaya kita bersumber dari ajaran Rasulullah yang lurus lagi sempurna.

PETIKAN TITAH SEMPENA SAMBUTAN MAULID NABI
MUHAMMAD SHALLALLAHU 'ALAIHI WA SALLAM
BAGI TAHUN 1447H/2025M

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja
Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz
Haji Awang Abdul Aziz bin Juned
Mufti Kerajaan Brunei
Jabatan Perdana Menteri

Irsyad Hukum



Perkara yang Merosak Hubungan Persaudaraan

Islam melarang dengan tegas setiap individu memperlakukan segala bentuk akhlak yang tidak baik terhadap individu yang lain. Natiujannya akan menyumbang kepada keretakan hubungan sesama Islam dan akan menyebabkan perpecahan di antara umat Islam. Antara perlakuan yang mesti dihindari:

Hasad Dengki

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* melarang umatnya daripada segala sifat keji termasuklah sifat hasad dengki. Hakikat hasad dengki itu ialah rasa kurang senang terhadap ni'mat yang dikecapi oleh orang lain, lalu mengharap-harapkan agar ni'mat itu terhapus darinya.

Larangan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* itu jelas sebagaimana Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Anas bin Malik *Radhiallahu 'anh*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

لَا تَبَاغَضُوا وَلَا تَحَاسَدُوا وَلَا تَدَابَرُوا وَكُونُوا
عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا

Maksudnya:

"Janganlah kamu saling benci membenci, dan janganlah kamu saling berdengki-dengkian, dan janganlah kamu saling bermusuhan-musuhan. Jadilah kamu sebagai hamba-hamba Allah yang bersaudara."

Menganiaya dan Membiarkan Saudara Islamnya dianiaya

Perbuatan menzalimi atau menganiaya orang lain hukumnya adalah haram,

apalagi jika yang dianiaya itu saudara Islamnya sendiri. Ini jelas sebagaimana Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abdullah bin Umar *Radhiallahu ‘anhuma*, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda:

الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ، لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ

Maksudnya:

Seorang muslim adalah saudara kepada seorang muslim (yang lain). Tidak boleh menganiaya dan membiarkannya dianiaya.

Menurut al-Imam Ibnu Hajar al-‘Asqalani ketika beliau menjelaskan keterangan maksud hadits tersebut, bahawa seorang muslim yang berlaku zalim atau membuat aniaya kepada seorang muslim yang lain hukumnya adalah haram. Tidak sepatutnya dia membiarkan saudaranya disakiti oleh orang lain atau membiarkannya dalam keadaan yang boleh menyakitinya. Bahkan hendaklah dia menolong dan mempertahankannya.

Tidak Menegur Sapa

Seorang muslim yang tidak mahu menegur sapa dan memutuskan hubungan dengan saudara muslimnya yang lain lebih daripada tiga hari hukumnya adalah haram tanpa ada alasan atau keuzuran yang dibenarkan syara’. Ini jelas sebagaimana Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Ayyub

Radhiallahu ‘anh, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda:

لَا يَجِلُّ لِمُسْلِمٍ أَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ فَوْقَ ثَلَاثٍ،
يَلْتَقِيَانِ فَيُصَدُّ هَذَا، وَيُصَدُّ هَذَا، وَخَيْرُهُمَا
الَّذِي يَبْدَأُ بِالسَّلَامِ

Maksudnya:

Tidak halal bagi seorang muslim memutuskan saudaranya (tidak menegur sapa) lebih daripada tiga hari; bila keduanya bertemu maka yang seorang ini berpaling dan yang seorang lagi membelakangi. Dan orang yang lebih baik daripada keduanya ialah orang yang memulakan dengan ucapan salam.

Menghina atau Mengejek

Yang dimaksudkan dengan penghinaan ialah memandang rendah atau menjatuhkan martabat seseorang, ataupun mendedahkan keaiban dan kekurangan seseorang dengan tujuan menjadikannya bahan ketawa. Ini boleh berlaku dengan menceritakan perihal orang lain dengan tutur kata, perbuatan, isyarat ataupun dengan cara lain yang boleh membawa maksud dan tujuan yang sama. Tujuannya ialah untuk merendahkan diri orang lain, menjadikannya bahan ketawa, menghina dan memperkecilkan kedudukannya di mata orang ramai.

Hukumnya adalah haram. Termasuk di antara perbuatan menghina yang

diharamkan itu ialah memanggil dengan panggilan atau gelaran yang tidak baik, yang tidak sedap didengar oleh orang yang kena panggil dan panggilan itu membawa kepada suatu bentuk penghinaan dan cemuhan. Larangan menghina atau mengejek ini jelas dinyatakan di dalam al-Qur'an sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Hujuraat ayat 11:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّنْ قَوْمٍ عَسَىٰ أَن يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّنْ نِّسَاءٍ عَسَىٰ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَرُوا بِلَا لِّقَابٍ بِّئْسَ الْأَسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿١١﴾

Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum mengejek-ejek satu kaum yang lain, boleh jadi kaum yang diejek itu lebih baik daripada mereka, dan janganlah pula (satu kaum) perempuan mengejek (satu kaum) perempuan yang lain, boleh jadi (kaum) perempuan yang diejek itu lebih baik daripada mereka. Dan janganlah kamu mencaci sesama kamu dan janganlah pula kamu panggil-memanggil dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah panggilan fasiq sesudah seseorang itu beriman. Dan sesiapa yang tidak

bertaubat maka mereka itulah orang yang zalim.

Oleh itu, tidak sepatutnya seorang muslim berbuat jahat kepada saudaranya yang lain dengan memanggil atau menggelar saudaranya itu dengan panggilan yang tidak sedap didengar dan memalukan. Perkara ini tidak syak lagi akan menyakitkan hati saudaranya dan membakar api permusuhan sesama Islam.

Membocorkan Rahsia

Mendedahkan rahsia orang adalah di antara perkara yang dilarang, kerana perbuatan itu akan menyakiti hati orang lain dan tidak mengendahkan tentang kepentingan orang itu. Sebagaimana Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada Jabir bin 'Abdullah *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

إِذَا حَدَّثَ الرَّجُلُ الْحَدِيثَ ثُمَّ التَّفَتَ فِيهِ أَمَانَةٌ

Maksudnya:

Apabila seseorang telah memberitahu sesuatu perkara, lalu dia pergi, maka itu adalah suatu amanah (tidak boleh disebar).

Oleh itu, membocorkan rahsia orang dikira tidak amanah. Ini adalah suatu

pengkhianatan, dan mengkhianati orang lain adalah haram hukumnya, jika ianya boleh mendatangkan bahaya atau mudharat kepada orang itu. Kalau pun tidak mendatangkan bahaya atau mudharat, maka itu samalah seperti kita menghinanya.

Mengumpat

Mengumpat adalah di antara seburuk-buruk kejahatan. Yang dimaksudkan dengan mengumpat ialah menyebut seseorang dengan sesuatu yang tidak disukainya, sama ada pada badannya, dunianya, bentuk kejadiannya, perangainya, hartanya, anaknya, orang tuanya, suami atau isterinya, pembantu rumahtangganya, serbannya, pakaiannya, gaya berjalannya, gerak-gerinya dan sebagainya yang bersangkutan paut dengan dirinya. Tidak kira sama ada menyebut-nyebut itu dengan percakapan, tulisan ataupun dengan isyarat melalui mata, tangan, kepala dan sebagainya.

Hukum mengumpat itu adalah haram menurut ijma' seluruh umat Islam. Dalilnya adalah jelas tersebut di dalam al-Qur'an, sunnah dan ijma'. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Hujuraat ayat 12:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ
إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَبِ
بَعْضُكُم بَعْضًا يَبْغِي أَحَدُكُم أَن يَأْكُلَ

لَحْمَ أَخِيهِ مِمَّا فَرَغْتُمْ وَأَتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ
تَوَّابٌ رَّحِيمٌ

Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangkaitudosa. Dan janganlah kamu mengintip (mencari-cari kesalahan) orang dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka sudah tentu kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Pengasih.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengumpamakan orang yang mengumpat saudaranya sendiri seperti memakan daging saudaranya yang telah menjadi bangkai. Setiap manusia sudah tentu tidak mahu makan daging manusia. Apatah lagi daging saudaranya sendiri, dan daging itu pula sudah menjadi bangkai. Ini menunjukkan betapa buruk dan kejinya perbuatan mengumpat itu di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Mengadu Domba (Menyebarkan Fitnah Hasutan)

Mengadu domba atau dalam bahasa Arabnya disebut sebagai *an-namimah* ialah memindahkan ucapan dari

seorang ke seorang dengan maksud untuk merosakkannya. Menurut Imam al-Ghazali *Rahimahullahu Ta'ala*, pada kebiasaannya *an-namimah* adalah diistilahkan bagi perbuatan orang yang menceritakan percakapan orang lain kepada orang yang diceritakan mengenainya, umpamanya dia berkata: "*Si anu mengatakan tentang kamu begitu begini.*" Sebenarnya *an-namimah* itu tidak terhad kepada yang demikian itu, bahkan ianya lebih umum, iaitu mendedahkan segala perkara yang tidak patut disebar, sama ada ianya tidak disukai oleh orang yang diceritakan mengenainya, ataupun tidak disukai oleh orang yang diceritakan kepadanya, ataupun tidak disukai oleh orang ketiga. Tidak kira sama ada cara mendedahkan itu dengan percakapan, tulisan, isyarat, gerak-geri atau seumpamanya, dan sama ada yang didedahkan itu berupa percakapan atau perbuatan, dan sama ada ia sememangnya suatu keaiban atau bukan.

Jelasnya hakikat *an-namimah* (mengadu-domba) itu ialah membocorkan rahsia orang lain dan melanggar kehormatannya dengan mendedahkan rahsia yang dia tidak ingin orang lain mengetahuinya. Hukumnya adalah haram.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Qalam ayat 11:

هَمَّازٌ مَّشَاءً بِنَمِيمٍ ﴿١١﴾

Maafumnya:

Yang suka mencaci lagi suka menyebarkan fitnah.

Tidak Menghormati dan Menyakiti Jiran Tetangga

Jiran tetangga merupakan antara golongan masyarakat yang hampir dan rapat hubungan dengan kita. Oleh itu, adalah penting hubungan tersebut sentiasa dalam keadaan yang baik dan harmoni. Jiran tetangga yang baik akan sentiasa menghormati hak jiran tetangganya, melayaninya dengan baik dan mudah untuk memaafkan jika terjadi sesuatu perselisihan. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memerintahkan supaya berlaku baik terhadap jiran tetangga, sama ada jiran tetangga yang dekat ataupun yang jauh sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah an-Nisaa' ayat 36:

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا
وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ
وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْبُغْضِ وَالصَّاحِبِ
بِالْبُغْضِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ
إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالًا
فَخُورًا ﴿٣٦﴾

Mafhumnya:

Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan suatu apa pun. Dan berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, orang-orang musafir yang terlantar dalam perjalanannya (yang terputus perbelanjaannya) dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang sombong dan membangga-banggakan diri.

Sombong atau Bongkak

Sombong atau bongkak merupakan sifat yang dikeji dalam pandangan syara'.

Al-Imam al-Ghazali *Rahimahullahu Ta'ala* menegaskan bahawa orang yang sombong itu tidak mampu untuk mencintai saudaranya yang beriman sebagaimana dia mencintai dirinya sendiri, dan tidak mampu untuk merendahkan dirinya. Sedangkan merendahkan diri itu punca bagi akhlak orang-orang yang bertaqwa. Orang yang sombong itu tidak dapat menjauhi perasaan dendam kesumat, sentiasa tidak dapat bercakap benar, tidak dapat meninggalkan sifat suka marah, tidak dapat menguasai dirinya untuk menahan kemarahan, tidak dapat menjauhi hasad dengki, tidak sudi mendengar nasihat sama sekali.

Tabiatnya juga suka merendahkan orang lain dan mengumpat.

Mencari-cari Kesalahan Orang

Dalam menjaga kehormatan orang lain dan keharmonian bermasyarakat, Islam melarang penganutnya daripada melakukan perkara-perkara yang boleh mencabuli kehormatan dan keharmonian tersebut. Salah satu perkara yang dapat memberi kesan yang buruk terhadap keharmonian itu ialah dengan mencari-cari kesalahan dan membuka keaiban orang. Larangan ini juga jelas telah disebutkan sebelum ini di dalam surah al-Hujuraat ayat 12.

Oleh itu, setiap orang mempunyai kehormatan dirinya yang tidak boleh dicabuli dengan mendedahkan dan mencari-cari apa keaiban atau kesalahannya, sekalipun dia berbuat dosa, selama mana dilakukan bukan secara terang-terangan. Apatah lagi jika ianya merupakan prasangka atau tuduhan yang tidak berasas.

Sebagai kesimpulan, keseragaman aqidah Islamiah yang membentuk jalinan persaudaraan Islam tidak akan begitu mantap dan utuh jika tidak dipelihara dan dipupuk dengan beberapa adab dan peraturan yang telah digariskan oleh Islam sebagai mempertahankan dan menjaga keutuhan jalinan tersebut supaya berdiri di atas landasan yang kuat.

Di samping itu, menjauhi dan menghindari sebarang perilaku yang boleh melemahkan daya kekuatan jalinan persaudaraan itu perlu juga diimplementasi atau dilaksanakan bersama supaya jalinan yang terbina itu tidak akan rapuh dan mudah goyah. Dengan itu akan terbinalah masyarakat Islam yang harmoni, bersatu padu dan sayang menyayang. 

*Orang yang sombong itu
tidak mampu untuk mencintai
saudaranya yang beriman
sebagaimana dia mencintai
dirinya sendiri, dan tidak
mampu untuk merendahkan
dirinya.*

Jangan Pernah Membuli Orang Lain

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman
yang mafhumnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum mengejek-ejek satu kaum yang lain, boleh jadi kaum yang diejek itu lebih baik daripada mereka, dan janganlah pula (satu kaum) perempuan mengejek (satu kaum) perempuan yang lain, boleh jadi (kaum) perempuan yang diejek itu lebih baik daripada mereka. Dan janganlah kamu mencaci sesama kamu dan janganlah pula kamu panggil-memanggil dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah panggilan fasiq sesudah seseorang itu beriman. Dan sesiapa yang tidak bertaubat maka mereka itulah orang yang zalim.”

(Terjemahan surah al-Hujuraat ayat 11)



Khutbah Jumaat

ADAB DAN ETIKA Berinteraksi Di Media Sosial

Muslimin yang dirahmati Allah,

Bertaqwalah kita kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan sebenar-benar taqwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepadanya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala* itu ialah orang yang paling bertaqwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Hujuraat, ayat 12 yang terjemahan makna ayatnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu dosa. Dan janganlah kamu mengintip (mencari-cari kesalahan) orang dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka sudah tentu kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Pengasih.”

Jemaah yang dirahmati Allah,

Antara cara bagi kita untuk melestari dan mengekalkan keharmonian hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara itu ialah dengan menjaga

adab, etika dan tingkah laku dalam pergaulan kita antara satu sama lain. Perkara tersebut adalah salah satu cabang ketinggian akhlak dan kemuliaan keperibadian seseorang. Ini termasuklah juga ketika kita berinteraksi dan berkomunikasi di media-media sosial. Hadits riwayat Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami’nya meriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu ‘anhu*, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

“Sebaik-baik orang mu’min adalah yang paling baik akhlaknya.”

Sesungguhnya kecanggihan dunia teknologi pada masa kini tidak dapat disangkal lagi. Bahkan bilangan orang yang celik IT adalah semakin ramai dan bertambah jumlah, malah penggunaan

Sebagai pengguna media sosial yang bijak, kita hendaklah sentiasa muhasabah diri dan sentiasa berusaha menjaga setiap tingkah laku dan tutur kata kita terutamanya ketika kita berinteraksi dan berkomunikasi di media sosial.

teknologi maklumat dan komunikasi sudah menjadi lumrah dan menjadi trend kehidupan masyarakat kita pada masa ini.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Di satu sisi, tidak dapat disangkal bahawa pelbagai bentuk media digital berasaskan media sosial telah memberikan kemudahan manfaat yang luar biasa kepada masyarakat. Segenap lapisan masyarakat pada masa kini menjadikan media sosial seperti *Facebook*, *Whatsapp*, *Instagram*, *Telegram* dan seumpamanya sebagai medium informasi dan perhubungan dalam kehidupan seharian.

Akan tetapi di sisi yang berbeza, media sosial itu sekiranya disalahgunakan, maka ia juga berperanan sebagai medium untuk menyebarkan perkara-perkara yang tidak baik, antaranya:

- Menjadi medan untuk mengata ataupun mengaibkan orang.
- Menjadi tempat perdebatan dan bertenggang urat.
- Menjadi tempat penyebaran masalah sosial, bukan sahaja di kalangan remaja, bahkan juga di kalangan kanak-kanak dan juga di kalangan orang dewasa.

Sesungguhnya teknologi maklumat komunikasi berasaskan media sosial pada dasarnya adalah untuk mempermudah sesuatu. Oleh yang demikian, media sosial itu sekiranya digunakan dengan niat yang betul maka ia akan membawa kepada manfaat dan kesejahteraan hidup, akan tetapi sekiranya media sosial itu disalahguna maka ia akan membawa kepada perkara yang sia-sia dan merugikan.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Ketika kita berinteraksi dan berkomunikasi di media-media sosial, maka kita perlulah menyedari bahawa kita telah mendedahkan diri kita kepada sebuah dunia yang terbuka luas dan tanpa sempadan.

Oleh yang demikian, sebagai umat Islam, kita hendaklah sentiasa menjaga akhlak, adab dan etika ketika kita berkomunikasi dan berinteraksi di dalam media sosial itu sebagaimana yang disarankan menurut hadits Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* antaranya:

- Menjaga tutur bicara dan menjaga perkataan.

Dalam konteks komunikasi dan interaksi di media sosial, menjaga tutur bicara dan menjaga perkataan itu ialah dengan sentiasa memastikan bahawa setiap perkataan yang kita lafazkan ataupun

kata-kata yang kita tulis itu ialah sesuatu yang elok, baik dan betul.

Ini termasuklah dengan tidak melafazkan kata-kata ataupun menggunakan perkataan yang tidak baik seperti menghina, mengejek, mencela, berbicara dengan perkataan-perkataan yang kurang sopan dan segala bentuk perkataan buruk lainnya. Hadits riwayat Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada Abdullah bin Mas'ud *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

“Bukanlah seorang mu'min yang suka mencela, melaknat, berbuat dan berkata keji dan kotor.”

- Menjauhi prasangka dan mencari-cari kesalahan.

Hadits riwayat Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

“Jauhilah prasangka kerana prasangka itu adalah ucapan yang paling dusta, janganlah kalian saling mendiamkan, janganlah suka mencari-cari isu, saling mendengki, saling membelakangi, serta saling membenci, tetapi jadilah kalian hamba-hamba Allah yang bersaudara.”

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* menegah umatnya daripada bersifat buruk sangka dan mencari-cari kesalahan orang lain. Ini kerana sifat-sifat tersebut akan membawa kepada perbuatan umpat dan fitnah. Di zaman moden yang serba canggih ini, perbuatan mengumpat dan menabur fitnah itu semakin mudah disebarkan.

Perlu diingat, bahawa dalam agama kita, mengumpat dan memfitnah itu adalah satu perbuatan yang haram, tercela dan termasuklah dalam dosa-dosa besar.

Oleh yang demikian, kita hendaklah sentiasa berhati-hati dan menjaga diri kita daripada melakukan perbuatan yang boleh mengundang kepada kata-kata umpat dan fitnah. Ini kerana bahaya umpat dan fitnah itu bukan sahaja menyebabkan kita mendapat dosa besar malah mengakibatkan kita tidak akan dapat memasuki syurga Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Hadits riwayat Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Huzaifah bin Iman *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

“Penabur fitnah tidak akan masuk syurga.”

- Tabayyun iaitu mensabitkan dan menyemak asas kebenaran sesuatu perkara.

Oleh yang demikian, setiap perkara, informasi, berita ataupun perkhabaran yang kita terima dan perolehi itu hendaklah diselidik dan disiasat terlebih dahulu kebenaran dan keshahihiannya sebelum memviral dan menularkannya ke laman-laman sosial dan aplikasi-aplikasi tertentu. Hadits riwayat Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu ‘anhu*, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya seorang hamba apabila menuturkan satu perkataan yang tidak dipastikan kebenarannya terlebih dahulu, akan membawanya ke neraka yang jaraknya lebih jauh dari jarak antara timur dan barat.”

Jemaah yang dirahmati Allah,

Sebagai pengguna media sosial yang bijak, kita hendaklah sentiasa muhasabah diri dan sentiasa berusaha menjaga setiap tingkah laku dan tutur kata kita terutamanya ketika

kita berinteraksi dan berkomunikasi di media sosial. Sama-samalah kita berdoa semoga Allah *Subhanahu wa Ta’ala* melindungi diri kita daripada melafazkan tutur kata dan melakukan tingkah laku yang boleh mengundang dosa dan kemurkaan Allah *Subhanahu wa Ta’ala*.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dalam surah al-Anfaal, ayat 25:

وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا
مِنْكُمْ خَاصَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ
الْعِقَابِ ﴿٢٥﴾

Mafhumnya:

Dan peliharalah diri kamu daripada (berlakunya) fitnah (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu kesemuanya). Dan ketahuilah bahawa Allah sangat berat seksa-Nya. 



Tafsir Hukum

Buli itu

Satu Penganiayaan

Penganiayaan, dalam bentuk apa pun, adalah perbuatan yang sangat bertentangan dengan nilai-nilai kemanusiaan. Sejak akhir-akhir ini, salah satu bentuk penganiayaan yang paling umum dan berbahaya adalah buli. Buli bukan sahaja menyakiti secara fizikal, tetapi juga secara mental dan emosi. Kesannya boleh mempengaruhi rasa percaya diri, prestasi bahkan kesihatan jiwa dan akal seseorang.

Islam, melalui ajaran al-Qur'an, begitu tegas dalam menolak segala bentuk kezaliman. Ini kerana agama Islam datang sebagai agama rahmat, membawa nilai-nilai keadilan, kasih sayang dan penghormatan terhadap martabat manusia. Buli merupakan salah satu bentuk kezaliman yang harus dicegah dan dilawan.

Secara umum, buli adalah perbuatan yang kejam dan zalim, kerana ianya menyakiti atau merugikan orang lain. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-A'raaf ayat 33:

قَدْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّي الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطْنٌ وَإِلَّا شِمٌّ وَالْبَغْيَ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَأَنْ تُشْرِكُوا بِاللَّهِ
مَا لَمْ يُنَزَّلْ بِهِ سُلْطَانًا وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ
مَا لَا نَعْلَمُونَ ﴿٣٣﴾

Mafhumnya:

Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan keji sama ada yang terang mahupun yang tersembunyi dan perbuatan dosa serta mencerooboh (hak sesama manusia) tanpa alasan yang memang tidak dibenarkan, dan (demikian juga diharamkan) kamu mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang Dia tidak menurunkan bukti (yang membenarkannya), dan (diharamkan) kamu memperkatakan terhadap Allah apa yang tidak kamu ketahui.

Ayat ini menjelaskan bahawa segala bentuk kejahatan, termasuk penganiayaan yang tersembunyi

seperti gertakan, fitnah dan sejenisnya adalah dilarang. Dalam Islam, tidak ada ruang untuk mempermainkan atau merendahkan orang lain hanya kerana merasa lebih kuat, lebih cerdik dan seumpamanya.

Islam sangat menekankan pentingnya menjaga lisan dan adab dalam pergaulan sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Hujuraat ayat 11:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّنْ قَوْمٍ عَسَىٰ
أَنْ يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّنْ نِّسَاءٍ عَسَىٰ أَنْ
يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوا أَنْفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا
بِالْأَلْقَابِ بِئْسَ الْأُسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ
وَمَنْ لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿١١﴾

Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum mengejek-ejek

"Apabila seseorang itu melihat pembulian terjadi dan memilih untuk berdiam diri maka itu merupakan satu kelalaian."

satu kaum yang lain, boleh jadi kaum yang diejek itu lebih baik daripada mereka, dan janganlah pula (satu kaum) perempuan mengejek (satu kaum) perempuan yang lain, boleh jadi (kaum) perempuan yang diejek itu lebih baik daripada mereka. Dan janganlah kamu mencaci sesama kamu dan janganlah pula kamu panggil-memanggil dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah panggilan fasiq sesudah seseorang itu beriman. Dan sesiapa yang tidak bertaubat maka mereka itulah orang yang zalim.

Menghina dari segi bentuk tubuh badan atau fizikal, memanggil seseorang dengan julukan yang buruk atau menyebarkan aib seseorang adalah bentuk buli yang sangat bercanggah dengan ajaran Islam. Bahkan, gurauan yang menyakiti hati juga termasuk dosa jika membuat seseorang merasa direndahkan. Ini kerana setiap manusia diberi kemuliaan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Islam mengajarkan bahawa setiap manusia memiliki kehormatan yang wajib dijaga. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Israa' ayat 70:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْوُجُوهِ
وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ
عَلَى كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴿٧٠﴾

Mafhumnya:

Dan demi sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam

(manusia) dan Kami telah mengangkut mereka (di dalam pelbagai kenderaan) di darat dan di laut dan Kami telah mengurniakan mereka rezeki yang baik serta Kami telah melebihkan mereka atas kebanyakan makhluk yang Kami telah ciptakan dengan kelebihan yang sempurna.

Dengan kata lain, sesiapa pun yang merendahkan orang lain telah bertentangan dengan kehendak Allah yang memuliakan manusia. Buli merosak nilai kemanusiaan, menyakiti jiwa dan bahkan boleh menghancurkan masa depan seseorang.

Islam tidak hanya melarang berbuat zalim, tetapi juga melarang membiarkan kezaliman terjadi di hadapan kita.

Apabila seseorang itu melihat pembulian terjadi dan memilih untuk berdiam diri maka itu merupakan satu kelalaian. Seorang muslim harus menjadi penolong bagi yang lemah, berdiri di pihak yang tertindas dan menciptakan lingkungan yang adil dan penuh kasih sayang.

Salah satu kisah paling menyentuh dalam al-Qur'an adalah kisah Nabi Yusuf 'alaihissalam yang mengalami penganiayaan dari saudara-saudaranya sendiri. Mereka iri dan membenci, lalu membuang Nabi Yusuf 'alaihissalam ke sumur. Namun, Nabi Yusuf 'alaihissalam tidak membalas kejahatan mereka dengan kebencian. Ia memilih

kesabaran, keikhlasan dan tawakal kepada Allah. Pada akhirnya, Nabi Yusuf 'alaihissalam diangkat menjadi pemimpin yang bijak dan mulia.

Ini menunjukkan bahawa orang yang dizalimi berada dalam lindungan Allah dan balasan bagi pelaku kezaliman pasti datang. Kesabaran dan keimanan adalah kekuatan utama untuk seseorang yang menghadapi buli ataupun apa saja kezaliman dan penganiayaan dihadapi.

Islam tidak hanya melarang kezaliman, tetapi juga membekali umatnya dengan cara-cara bijak untuk menghadapi ujian hidup, termasuk ketika menjadi korban penganiayaan atau buli. Islam mengajarkan kita untuk sentiasa bersabar dan selalu meminta pertolongan ataupun perlindungan kepada Allah. Ini kerana Allah sudah menjanjikan bahawa setiap musibah dan kezaliman yang menimpa seorang mu'min akan dibalas dengan pahala, selama ia bersabar dan tidak membalas dengan keburukan.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Baqarah ayat 153:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ
وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٣﴾

Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (kepada Allah

Subhanahu wa Ta'ala) dengan bersabar dan mendirikan sembahyang kerana sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.

Sabar bukan bererti pasrah begitu saja akan tetapi menahan diri seseorang itu daripada membalas dengan kejahatan.

Korban buli dianjurkan untuk memperbanyakkan doa, terutama doa perlindungan dari kejahatan makhluk seperti yang terdapat dalam surah al-Falaq dan surah an-Naas. Nabi Muhammad juga ada mengajarkan doa saat menghadapi kejahatan orang lain:

اَللّٰهُمَّ اَكْفِنِيْهِمْ بِمَا شِئْتَ

Maksudnya:

Ya Allah, cukupkanlah aku dari kejahatan mereka dengan cara yang Engkau kehendaki.

Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

اَتَّقِ دَعْوَةَ الْمَظْلُوْمِ، فَانَّهَا لَيْسَ بَيْنَهَا وَبَيْنَ اللّٰهِ حِجَابٌ

Maksudnya:

Takutlah terhadap doa orang yang dizalimi, sesungguhnya tiada penghalang antara doa itu dengan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Ini adalah peringatan keras bahawa mangsa buli yang mendoakan pelakunya akan mendapatkan keadilan dari Allah secara langsung. Dari hadits tersebut menunjukkan bahawa pelaku buli sebenarnya sedang membuka pintu musibah untuk dirinya sendiri.

Al-Qur'an dan as-Sunnah menekankan pentingnya pendidikan akhlak sejak kanak-kanak lagi. Buli sering terjadi atas sebab kurangnya pembinaan karakter seperti empati, adab dalam berbicara dan cara mengawal emosi. Justeru itu, anak-anak seharusnya diajarkan untuk menghormati orang yang lebih berumur dari mereka dan menyayangi yang lebih muda untuk mengelakkan dari terjadinya isu buli di kalangan masyarakat di masa akan datang. Selain itu, haruslah ditegaskan betapa pentingnya untuk bertutur dengan baik dan sopan sebagaimana Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يُوْذِ جَارَهُ،
وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ
صِيفَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ
فَلْيُقِلْ حَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ

Maksudnya:

Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat maka janganlah

ia menyakiti jirannya. Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah ia memuliakan tamunya dan barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhirat maka hendaklah ia berkata baik atau diam.

Oleh sebab itu, pendidikan akhlak harus diterapkan sedari awal lagi kepada kanak-kanak dan remaja pada masa kini untuk menjadikan mereka seseorang yang berakhlak terpuji di masa akan datang.

Secara tuntasnya, al-Qur'an menanamkan satu pesan yang sangat mendalam iaitu janganlah berbuat kezaliman ataupun penganiayaan dan janganlah seseorang itu membiarkan kezaliman terjadi. Buli adalah bentuk nyata dari kezaliman yang ada pada masa kini. Ia tidak boleh dianggap sebagai hal remeh ataupun biasa, kerana ia memberikan impak yang buruk terhadap mangsa buli dari segi kesihatan akal mahupun fizikal.

Oleh itu, Islam mengajarkan kita untuk sentiasa melindungi yang lemah dan mencegah kejahatan daripada terjadi. Jika kita tidak dapat menjadi pelindung, janganlah pula kita menjadi penyebab luka. Jika kita belum mampu menghentikan kezaliman, janganlah pula kita menjadi penonton yang diam.

Buli bukan hanya pelanggaran etika sosial, tapi juga pelanggaran terhadap ajaran Allah. Dalam Islam, setiap bentuk

penganiayaan adalah kejahatan yang harus dilawan. Al-Qur'an mengajarkan kita untuk menjaga harga diri orang lain, menghormati dan memperlakukan sesama dengan penuh kasih sayang.

Mari kita jadikan al-Qur'an sebagai pedoman utama dalam membangun lingkungan sosial yang lebih beradab, bersih dari penganiayaan dan penuh rahmat. 

Hentikan Buli





Kisah Kaum Terdahulu

Nabi Shalih 'Alaihissalam Dan Kaum Tsamud

Kisah kaum Tsamud diceritakan dalam surah Huud yang menceritakan tentang Nabi Shalih yang diutus kepada mereka untuk menyeru kepada kebaikan dan meninggalkan penyembahan berhala. Namun, kaum Tsamud menolak da'wahnya dan bahkan menyakiti unta betina yang merupakan mu'jizat dari Allah. Akhirnya, Allah menimpakan azab kepada mereka kerana kederhakaan mereka.

Kaum Tsamud merupakan kaum yang hidup di daerah al-Hijr (sekarang Mada'in Shalih di Arab Saudi) yang terkenal dengan kemampuan mereka memahat gunung

Salah satu peninggalan kehancuran kaum Tsamud

Hijr atau al-Hijr atau Hegra telah diiktiraf oleh Pemerintah Arab Saudi sebagai World Heritage dengan nama Al-Hijr Archaeological Site (Mada'in Shalih)

menjadi bangunan dan rumah. Firman Allah dalam surah al-Fajr ayat 9:

وَتَمُودَ الَّذِينَ جَابُوا الصَّخْرَ بِالْوُدِ ۝٩

Mafhumnya:

Dan kaum Tsamud yang memahat batu-batu besar (untuk dijadikan rumah) di lembah (Wadi al-Qura).

Nabi Shalih 'alaihissalam diutus Allah untuk menyampaikan ajaran Allah dan menunjukkan jalan yang benar kepada Kaum Tsamud di al-Hijr. Allah berfirman dalam al-Qur'an surah al-A'raaf ayat 73:

وَالْيَ تَمُودَ أَخَاهُمْ صَالِحًا قَالَ يَاقَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنِّ إِلَهٍ غَيْرُهُ ۖ...

Mafhumnya:

Dan kepada kaum Tsamud (Kami utus) saudara mereka Nabi Shalih. Dia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah Allah, tidak ada tuhan bagi kamu selain daripada-Nya....

Nabi Shalih 'alaihissalam juga mengingatkan kaumnya agar selalu bersyukur atas berbagai kenikmatan yang telah diberikan sepertimana firman Allah dalam surah al-A'raaf ayat 74:

وَاذْكُرُوا إِذْ جَعَلَكُمْ خُلَفَاءَ مِن بَعْدِ عَادٍ وَبَوَّأَكُمْ فِي الْأَرْضِ تَتَّخِذُونَ مِن سُهُولِهَا قُصُورًا وَتَنْحِتُونَ الْجِبَالَ بُيُوتًا فَاذْكُرُوا آلَاءَ اللَّهِ وَلَا تَعْتَوْا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ۖ

Mafhumnya:

Dan ingatlah ketika Allah menjadikan kamu khalifah-khalifah (yang berkuasa) sesudah kaum 'Aad dan menempatkan kamu di muka bumi (dengan diberi kemudahan) untuk kamu mendirikan istana-istana di tanahnya yang rata dan kamu memahat gunung-ganangnya untuk dijadikan rumah. Maka ingatlah ni'mat-ni'mat Allah itu dan janganlah kamu berbuat onar kerusakan di bumi.

Mu'jizat Nabi Shalih

Kaum Tsamud menolak da'wah Nabi Shalih 'alaihissalam dengan penuh kesombongan. Mereka bahkan menuntut bukti kenabiannya dengan meminta mu'jizat. Maka berdoalah Nabi Shalih 'alaihissalam memohon kepada Allah agar memberinya suatu mu'jizat. Allah memberikan mu'jizat kepada Nabi

Shalih 'alaihissalam berupa unta betina yang keluar dari batu. Kaum Tsamud diperintahkan untuk membiarkan unta itu makan dan minum tanpa diganggu. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman dalam surah Huud ayat 64:

وَيَقَوْمُ هَذِهِ نَاقَةُ اللَّهِ لَكُمْ آيَةٌ
فَذَرُوهَا تَأْكُلْ فِي أََرْضِ اللَّهِ وَلَا تَمْسُوهَا
بِسُوءٍ فَيَأْخُذَكُمْ عَذَابٌ قَرِيبٌ ﴿٦٤﴾

Mafhumnya:

"Dan wahai kaumku! Inilah seekor unta betina (daripada) Allah untuk kamu sebagai tanda (yang membuktikan kebenaranku). Oleh itu, biarkanlah unta itu makan di bumi Allah dan janganlah kamu menyakitinya. (Jika kamu menyakitinya) maka kamu akan ditimpa azab yang segera."

Gunung yang dipahat menjadi sebuah Istana atau rumah Kaum Tsamud

Unta Nabi Shalih Dibunuh

Namun, kaum Tsamud justeru menganiaya dan akhirnya menyembelih unta tersebut, bahkan setelah membunuh unta mu'jizat itu mereka masih menantang da'wah Nabi Shalih 'alaihissalam. Firman Allah Ta'ala dalam surah al-A'raaf ayat 77:

فَعَقَرُوا النَّاقَةَ وَعَتَوْا عَنْ أَمْرِ رَبِّهِمْ
وَقَالُوا بِصَلْحِ آتَيْنَا بِمَا تَعِدُنَا إِنْ كُنْتَ مِنَ
الْمُرْسَلِينَ ﴿٧٧﴾

Mafhumnya:

Maka mereka pun menyembelih unta betina itu dan berlaku angkuh terhadap perintah Tuhan mereka sambil berkata: "Wahai Shalih! Datangkanlah azab yang telah engkau janjikan kepada kami

jika benar engkau termasuk daripada rasul-rasul yang diutus (oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala).

Turunnya Azab Tiga Hari

Nabi Shalih 'alaihissalam begitu sedih mendengar khabar bahawa unta mu'jizat itu telah dibunuh oleh kaum Tsamud. Maka, Nabi Shalih 'alaihissalam memperingatkan mereka bahawa azab akan datang dalam tiga hari. Firman Allah Ta'ala dalam surah Huud ayat 65:

فَعَقَرُوهَا فَقَالَ تَمَتَّعُوا فِي دَارِكُمْ ثَلَاثَةَ
أَيَّامٍ ذَلِكَ وَعْدٌ غَيْرُ مَكْذُوبٍ ﴿٦٥﴾

Mafhumnya:

Maka mereka pun menyembelih unta betina itu lalu Nabi Shalih berkata

Sisa-sisa kehancuran Kaum Tsamud

kepada mereka: “Bersenang-lenanglah (bersuka rialah) kamu di tempat tinggal kamu selama tiga hari. Yang demikian itu ialah janji yang tidak dapat didustakan.

Kemudian, kaum Tsamud menunggu selama tiga hari yang dijanjikan dengan ketakutan. Maka, pada hari keempat tersebut Allah membinasakan mereka semua dengan menimpakan azab dari tanah berupa gempa besar beriringan dengan suara halilintar yang menggelegar. Firman Allah *Ta’ala* dalam surah al-A’raaf ayat 78:

فَأَخَذَتْهُمُ الرَّجْفَةُ فَأَصْبَحُوا فِي دَارِهِمْ
جِثْمِينَ ﴿٧٨﴾

Mafhumnya:

Lalu mereka pun dibinasakan oleh gempa yang dahsyat sehingga mereka pun menjadi mayat-mayat yang bergelimpangan di tempat tinggal mereka.

Demikianlah akhir bagi orang-orang yang berbuat syirik lagi sombong. Semoga kisah ini dapat diambil hikmah dan faedahnya, agar kita sentiasa menjadi hamba yang beriman dan bersyukur atas segala yang diberikan kepada kita dan elakkan dari bersifat sombong dengan kelebihan yang telah dikurniakan kepada kita dan tetaplah bersyukur dengan apa yang kita miliki. 



Mutiara Hadits



Tangani Isu **BULI**

Tanggungjawab Bersama

Buli bukanlah satu isu yang baharu bahkan isu ini adalah sesuatu yang amat mendukacitakan dan membimbangkan jika ianya menular dalam kalangan masyarakat di negara kita pada masa ini.

Dalam hadits, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* tidak menyebut perkataan “buli” secara khusus tetapi melarang segala bentuk penindasan dan kezaliman terhadap sesama manusia. Buli adalah antara perbuatan yang melibatkan penindasan dan menzalimi orang lain. Islam sangat melarang segala bentuk penindasan sebagaimana dalam hadits yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitab shahihnya daripada Ibnu 'Umar *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

المُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ

Maksudnya:

Seorang muslim adalah saudara bagi muslim yang lain, dia tidak menzaliminya dan tidak membiarkannya dizalimi.

Buli adalah satu perbuatan yang sangat bertentangan dengan prinsip dan ajaran Islam kerana Islam sangat menggalakkan dan mengutamakan kasih sayang sesama insan dan tolong-menolong, serta tidak menyakiti orang lain. Islam menuntut umatnya untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan saudara-saudara di sekelilingnya.

Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada ‘Abdullah Ibnu ‘Amru *Radhiallahu ‘anhuma*, beliau berkata bahawa Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda:

الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ
وَيَدِهِ

Maksudnya:

Seorang muslim itu adalah mereka yang membuatkan muslim yang lain selamat dari kejahatan lidahnya dan juga tangannya.

Bahkan pada zaman Rasulullah, seorang sahabat mencerca Saiyidina Bilal bin Rabah *Radhiallahu ‘anhu*, dengan memanggilnya “kulit hitam legam.” Perbuatan tersebut ditegur oleh Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* sepertimana dalam hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya daripada Abu Dzar, baginda bersabda:

إِنَّكَ أَمْرٌ فِيكَ جَاهِلِيَّةٌ

Maksudnya:

Sesungguhnya engkau memiliki sifat jahiliah (kerana mengejek sahabat mu).

Melalui hadits ini, Rasulullah membayangkan bahawa perbuatan mencerca orang lain dengan menyebut kekurangan tubuh mereka atau pada masa ini lebih dikenali sebagai ‘*bodyshaming*’ atau penghinaan fizikal bukanlah sifat seorang muslim bahkan sifat jahiliah.

Sesungguhnya budaya buli mahupun secara lisan atau fizikal ini adalah satu sifat yang buruk dan negatif. Tindakan buli tersebut menimbulkan ketakutan masyarakat dan merasa terganggu akan kehadiran si pelaku. Malah kesan dari kes-kes buli ini juga menyebabkan mangsa-mangsa yang terlibat mendapat kecederaan sama ada bersifat kekal atau sementara, tekanan perasaan, hilang keyakinan diri dan sebagainya. Lebih menyedihkan, terdapat juga beberapa kes yang berakhir dengan kematian. Pasti dengan berleluasanya kes-kes sebegini, masyarakat akan mula menjauhi si pelaku kerana takut akan kejahatan yang dilakukannya.

Justeru itu, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* mencela dan menjelaskan akan kedudukan yang paling buruk bagi orang-orang yang menimbulkan

ketakutan orang lain sepertimana dalam hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya daripada Saiyidatina 'Aisyah Radhiallahu 'anha, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

إِنَّ شَرَّ النَّاسِ عِنْدَ اللَّهِ مَنْزِلَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ
مَنْ تَرَكَ النَّاسَ اتِّقَاءَ شَرِّهِ

Maksudnya:

Sesungguhnya orang yang paling buruk kedudukannya di sisi Allah pada hari Kiamat adalah orang yang ditinggalkan oleh manusia kerana takut akan kejahatannya.

Manakala, Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

إِنَّ الْمُفْلِسَ مِنْ أُمَّتِي يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِصَلَاةٍ
وَصِيَامٍ وَزَكَاةٍ وَيَأْتِي قَدْ شَتَمَ هَذَا وَقَذَفَ
هَذَا وَأَكَلَ مَالَ هَذَا وَسَفَكَ دَمَ هَذَا
وَضَرَبَ هَذَا فَيُعْطَى هَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ
وَهَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ فَإِنْ فَنِيَتْ حَسَنَاتُهُ
قَبْلَ أَنْ يُقْضَى مَا عَلَيْهِ أُخِذَ مِنْ خَطَايَاهُمْ
فَطُرِحَتْ عَلَيْهِ ثُمَّ طُرِحَ فِي النَّارِ

Maksudnya:

Sesungguhnya orang mufliis dari kalangan umatku adalah sesiapa yang datang pada hari Kiamat dengan

sembahyang, puasa, dan zakat. Dia juga datang dalam keadaan pernah mencela orang ini, menuduh orang ini, memakan harta orang ini, menumpahkan darah orang ini, memukul orang ini. Maka diberikan kepada orang-orang tersebut kebaikan-kebaikan dirinya. Sekiranya kebbaikannya sudah habis dalam keadaan perhitungan ke atasnya belum lagi habis, maka diambil kejahatan-kejahatan mereka itu tadi lalu dicampakkan kepadanya dan kemudiannya dia dicampak ke dalam neraka.

Dalam konteks ini, peranan ibu bapa adalah sangat penting dalam mendidik dan membentuk syakhsiah atau peribadi anak-anak. Dengan menerapkan nilai-nilai murni sejak mereka kecil lagi, anak-anak akan menjadi individu yang berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berjaya dalam hidup sepertimana dalam hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ ،
أَوْ يُنَصِّرَانِهِ ، أَوْ يُمَجِّسَانِهِ

Maksudnya:

Setiap bayi dilahirkan adalah dalam keadaan fitrah. Maka kedua-dua ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi.

Berdasarkan hadits tadi, jelas pendidikan itu bermula dari institusi kekeluargaan itu sendiri kerana ianya adalah satu proses yang berterusan yang memerlukan kesabaran dan kerjasama daripada ibu bapa. Ini juga adalah antara penyelesaian bagi mengatasi gejala berkenaan, ibu bapa perlulah:

- i. Menyuburkan kasih sayang kepada anak-anak dengan memberikan didikan agama yang sempurna berlandaskan al-Qur'an dan as-Sunnah.
- ii. Menyediakan persekitaran yang baik untuk ahli keluarga membesar dan memberi asuhan terbaik kepada mereka. Elakkan daripada anak-anak terdedah kepada cara hidup yang kasar atau bahan-bahan hiburan yang berunsur ganas.
- iii. Bantu anak-anak memahami dunia di sekeliling dan cara berinteraksi dengan orang lain. Tanamkan adab, nilai hormat dan empati serta prinsip bertoleransi.
- iv. Ibu bapa memberi kesan dalam pembentukan adab dan akhlak anak-anak. Justeru itu, ibu bapa perlu menjadi suri teladan kepada anak dengan menunjukkan akhlak yang mulia kerana anak-anak lebih mudah meniru tingkah laku ibu bapa

mereka berbanding perkataan yang keluar dari mulut.

- v. Ibu bapa dan keluarga perlu peka dengan pergaulan anak-anak serta kenal pasti sebarang perubahan kelakuan dan sikap anak-anak. Selalu bertanya dan peka jika anak-anak dibuli ataupun terlibat dengan perbuatan buli.

Oleh yang demikian, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengajar kita untuk menjadi seorang hamba yang taat kepada perintah-Nya, saling menghormati dan menjaga hak sesama manusia. Sebagai hamba-Nya, kita hendaklah beringat bahawa setiap tindakan dan amalan kita di atas muka bumi ini akan dinilai oleh Yang Maha Melihat lagi Maha Mengetahui. Dari sekecil-kecil perbuatan sehinggalah sebesar-besar perkara kesemuanya itu tidak terlepas dari catatan dan hitungan malaikat.

Jauhilah perbuatan buli-membuli sama ada melalui percakapan mahupun perbuatan. Dalam sebuah hadits qudsi, Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Dzar *Radhiallahu 'anhu*, daripada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dalam apa yang baginda riwayatkan daripada Allah *Tabaraka wa Ta'ala* bahawa Dia berfirman:

يَا عِبَادِي، إِنِّي حَرَّمْتُ الظُّلْمَ عَلَى نَفْسِي،
وَجَعَلْتُهُ بَيْنَكُمْ مُحَرَّمًا، فَلَا تَظَالَمُوا

Maksudnya:

Wahai hamba-Ku! Sesungguhnya Aku telah mengharamkan kezaliman bagi diri-Ku dan Aku telah menetapkannya sebagai sesuatu yang diharamkan di antara kamu. Maka, janganlah kamu saling menzalimi.

Menangani masalah buli ini bukan hanya tanggungjawab individu semata-mata tetapi memerlukan usaha secara bersama daripada semua pihak. Justeru mainkanlah peranan masing-masing sebagai ibubapa, guru-guru dan masyarakat iaitu dengan sentiasa prihatin dengan keadaan orang sekeliling. Semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* merahmati kita semua serta menjadikan segala perbuatan dan tingkah laku kita ini bakal menjadi saham amal shalih buat kita di akhirat kelak. 



“Suburkanlah kasih sayang kepada anak-anak dengan didikan agama yang sempurna.”



Maqashid Syari'ah

DR. MUHAMMAD AKMAL BIN AWANG TARIF
Pemenang Pertama Kategori Rencana bagi
Peraduan Penulisan Seni Kreatif dan Non
Kreatif Berunsur Islam Sempena Sambutan
Maulid Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam*
1446H/2024M

Bahagian akhir

Memelihara Kesucian Agama Islam

Dalam Konteks Di Negara Brunei Darussalam

Isu Penyelewengan Aqidah yang pernah berlaku di Negara Brunei Darussalam dan pengharaman menurut Fatwa Mufti Kerajaan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat prihatin mengenai keselamatan aqidah umat Islam di negara ini. Ini terbukti dengan beberapa kali titah baginda mengingatkan supaya sentiasa berpegang teguh dengan aliran kefahaman Aqidah Ahli Sunnah wal Jama'ah. Di antara petikan titah baginda ialah:

1. "...Pada suatu masa dahulu, sebelum lagi orang lain, kita telah pun mengharamkan sebuah pergerakan yang berlambangkan agama yang cuba bergiat di negara ini. Demikian itu pula dalam perkara yang sama, kita tidak akan teragak-agak untuk bertindak ke atas mana-mana jua pihak, yang cuba membawa, atau mengajar atau mengajak orang lain untuk mengamalkan ajaran yang salah, yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah wal Jama'ah."

“Bersempena dengan saat yang berkat ini, beta dengan sukacita mengharapkan supaya umat Islam di negara ini khasnya, akan sentiasa berhati-hati dari sebarang anasir yang cuba memesonkan aqidah kita, serta sekaligus mahu mencemarkan cara hidup yang tertib dan senonoh orang-orang Brunei...” (Titah Sempena Sambutan Nuzul al-Qur’an Tahun 1415 Hijrah/1995 Masihi pada 18 Februari 1995).

2. “...Di akhir-akhir ini, kita telah turut membaca dan mendengar tentang satu ajaran yang telah diharamkan, tetapi sedang dicuba untuk dihidupkan semula.”

“Oleh itu beta ingin mengingatkan, supaya setiap pintu kita dikawal dan diamati-amati, sehingga virus yang merbahaya ini tidak dapat menerobos masuk ke dalam negara kita.”

“Beta berharap negara kita akan terus kebal dari sebarang virus ajaran sesat. Dan untuk itu, tentu saja kita memerlukan usaha...”

“...Usaha-usaha lain termasuklah penyebaran dakwah, khutbah, ceramah dan tulisan. Kita perkemas semua ini untuk memberikan kefahaman beragama sebaik mungkin.”

“In syaa Allah, dengan usaha-usaha berterusan seperti itu, akan dapat menyelamatkan kita dan negara daripada sebarang ‘anasir

aqidah’ yang tidak diingini...” (Titah Sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1427 Hijrah / 2006 Masihi pada 09 Zulhijjah 1427/20 Disember 2006).

3. “...Namun kita tidak usah lupa, bahawa dari pengalaman, Negara Brunei Darussalam juga adalah tidak terlepas dari turut berhadapan dengan usaha-usaha penyebaran ajaran atau fahaman yang bertentangan dengan ‘Aqidah Ahli Sunnah wal Jama’ah.”

“Maka kerana itu, kerajaan beta sangat-sangat mengambil berat, melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama khasnya, dan juga agensi-agensi kerajaan yang lain, supaya sama-sama berhati-hati dan tidak terlepas pandang terhadap anasir-anasir penyelewengan ‘aqidah’, kerana mereka itu amatlah berpotensi untuk menggugat keharmonian serta sekaligus mengancam kestabilan negara.”

“Kita tidak mahu virus-virus perosak itu merosakkan fahaman yang sudah berakar umbi di negara ini...” (Titah Sempena Seminar Antarabangsa ‘Aqidah Ahli Sunnah wal Jama’ah Sempena Sambutan Jubli Perak Pusat Da’wah Islamiah pada 24 Rabiulakhir 1432 Hijrah / 29 Mac 2011 Masihi).

4. “...Turut membimbangkan kita, medan bagi penyaluran ajaran atau fahaman menyeleweng ini sangatlah

luasnya. Ia tidak lagi terbatas setakat dari mulut ke mulut atau dari satu individu kepada individu lain, tetapi sudah sangat canggih dan lengkap melalui buku-buku, majalah-majalah, surat-surat khabar dan internet, seperti sahaja, keadaan itu sudah tidak dapat dibendung lagi.”

“Oleh itu, beta mengingatkan supaya kita di Brunei tidak akan terbawa-bawa untuk mencedok sebarang pemikiran atau fahaman yang menyalahi itu...” (Titah Sempena Sambutan Tahun Baru Hijriah 1434 pada hari Rabu, 29 Zulhijjah 1433 Hijrah / 14 November 2012 Masihi).

5. “...Menyentuh mengenai isu aqidah yang melanda dunia Islam pada hari ini, beta berharap pihak-pihak yang berkenaan tidaklah akan memandang ringan isu tersebut. Kerana ia boleh menyesatkan dan malah turut melibatkan keselamatan negara dan keharmonian beragama yang kita nikmati selama ini. Di sinilah kepentingan pengukuhan aqidah itu. Dengan pengukuhan itu akan memperkuat lagi aliran Ahli Sunnah wal Jama’ah yang telah sehati dengan kita...”

“... Oleh itu, komitmen dan kerjasama semua pihak dalam menangani sebarang isu penyelewengan atau kemasukan fahaman-fahaman yang

tidak “sebulu” dengan kita adalah sangat-sangat diperlukan...” (Titah di Majlis Konvokesyen Ketiga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan pada hari Sabtu, 26 Muharram 1435 Hijrah/30 November 2013 Masihi).

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pernah bersabda menyentuh supaya masyarakat di negara ini perlu berhati-hati dan jangan mudah terjebak kepada mana-mana ideologi baru yang bertentangan dengan prinsip Aqidah Ahli Sunnah wal Jama’ah, antara petikan sabda tersebut:

“...Kita semua perlulah lebih berhati-hati dan jangan mudah terjebak kepada mana-mana ideologi baru yang bertentangan dengan prinsip aqidah Ahli Sunnah wal Jama’ah yang merupakan sendi terpenting dan pegangan masyarakat Islam di negara ini sejak sekian lama.”

“Sayugia jangan semudahnya menghukum apatah lagi jika hanya bersandarkan pembacaan yang

sangat terhad seperti artikel ataupun beberapa buku.”

“Jika ada persoalan mahupun sebarang permasalahan maka perlulah merujuk kepada ilmuan-ilmuan Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan Paduka Ayahanda.”

“Walaupun mungkin ia dilihat logik pada akal tetapi ingatlah bahawasanya Islam tidak berdiri pada logik semata-mata bahkan sesuatu hukum mahupun keputusan itu hendaklah ianya bersandarkan kepada al-Qur’an, as-Sunnah, Ijma’ dan Qiyas.”

“Di sinilah juga pentingnya bagi pihak-pihak yang berkenaan untuk sentiasa peka kepada apa-apa yang berlaku yang boleh menimbulkan salah faham dan perbalahan yang akhirnya membawa perpecahan pada umat Islam di Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini...” (Sabda di Majlis Haflut Takharruj Institut Tahfiz Al-Qur’an Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kali Ke-3 2015 pada hari Khamis 19 Zulkaedah 1436 Hijrah / 03 September 2015 Masihi).

Penulis beranggapan, sudah memadai dengan lima contoh petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan satu

sabda Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah sebagai bukti pengukuhan aqidah dalam memelihara kesucian agama Islam di negara ini.

Negara Brunei Darussalam pada sejarahnya terdahulu pernah didatangi dan dipengaruhi oleh pelbagai ajaran sesat di mana terdapat sebilangan kecil penduduk yang telah terpengaruh dengan dakyah mereka disebabkan kurang arif terhadap agama dan pegangan yang sebenar iaitu pegangan Ahli Sunnah wal Jama’ah. Di antara ajaran-ajaran sesat yang telah sampai ke negara ini dan telah diharamkan oleh kerajaan adalah sepertimana berikut:

Ajaran Bahai’yah atau Babiyyah

Ajaran ini telah difatwakan sesat oleh Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz. Fatwa Mufti Kerajaan telah memutuskan bahawa orang-orang yang berpegang dengan ajaran agama Bahai ini dihukumkan kufur dan murtad, keluar dari agama Islam dan tidak termasuk dalam bilangan orang Zimmi. Tujuan mendapatkan fatwa ialah untuk mengetahui pendirian syara’ yang sekaligus akan dijadikan sebagai dasar bertindak dalam perkara ini. Beberapa Fatwa Mufti Kerajaan telah dikeluarkan seperti “Kedudukan Agama Bahai Daripada Segi Pandangan Islam”, “Siapa

Orang Bahai”, “Bahaya Agama Bahai” dan “Bolehkah Orang Bahai Berkhidmat Dengan Kerajaan atau Tinggal Dalam Negara Brunei Darussalam?” Intipati daripada ajaran Bahai ini ialah seperti berikut:

- Ia menolak al-Qur’an, as-Sunnah dan keperibadian Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam*.
- Terdapat lagi nabi selepas Nabi Muhammad *Shallallahu ‘alaihi wa sallam*.
- Al-Qur’an telah dimansuhkan oleh kitab baru yang dinamakan sebagai ‘al-Bayan’.
- Ia menganjurkan Kesatuan Agama Dunia, yang didakwanya menyatukan agama Yahudi, Nasrani dan Islam.

Pengisytiharan pengharaman Persatuan Bahai di Brunei (*The Spiritual Assembly of the Bahais of Brunei*) juga telah dibuat oleh Menteri Besar di bawah Bab 9 (1), Penggal 66 dari Undang-Undang Persekutuan-Persekutuan Brunei pada 12 Februari 1979 Masihi. Disusuli dengan pewartaan dalam Warta Kerajaan Brunei oleh Pendaftar Persekutuan-Persekutuan Brunei Bil. 10 Naskhah XXIX, Sabtu 7 April 1979.

Tarikat Mufarridiyah

Tarikat Mufarridiyah diasaskan oleh Syeikh Muhammad Makmun dari Indonesia. Ia lahir pada 28 April 1909

Masihi di Pulau Kampai Kabupaten Langkat Sumatera Utara. Pada hari Khamis 22 Jun 1978 Masihi bersamaan 16 Rejab 1398 Hijrah jam 7.10 pagi, pengasas tarikat ini telah meninggal dunia.

Tarikat ini dibawa masuk ke Brunei pada tahun 1973 Masihi melalui Sarjan Othman bin Ibrahim yang bertugas pada ketika itu sebagai Askar Melayu Diraja Brunei. Beliau adalah seorang askar pinjaman yang dipercayai berasal dari Johor, Malaysia.

Di antara ajaran daripada Tarikat Mufarridiyyah ialah seperti:

- Pengasasnya Syeikh Makmun mengaku dirinya sebagai Imam al-Mahdi.
- Wujudnya dua malaikat bernama Karanaz dan Karakaz.
- Bertawassul dengan Karanaz dan Syeikh al-Makmun.

Tarikat Mufarridiyah telah diharamkan melalui Fatwa Mufti Kerajaan yang difatwakan oleh Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz melalui bilangan (39) tahun 1979 Masihi. Dalam fatwa ini menyebutkan ajaran Tarikat Mufarridiyyah adalah kufur dan sesat dan bertentangan dengan ajaran Islam. Orang-orang yang

terlibat dengan ajaran ini hendaklah segera bertaubat.

Jawatankuasa Undang-Undang Bagi Majlis Ugama Islam telah meneliti Fatwa Mufti Kerajaan berkenaan mengenai cadangan pewartaan Fatwa Mufti Kerajaan mengenai Tarikat Mufaridiyyah di bawah bab 42 (2) dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77 semakan 1984.

Ajaran Silat Lintau

Ajaran ini dibawa masuk ke Brunei pada tahun 1976 Masihi melalui pemimpinnya ketika itu yang berasal dari Malaysia bernama Ishak bin Hassan yang juga dikenali dengan panggilan Abang Aziz. Beliau dibawa masuk oleh seorang temannya dengan tujuan asalnya untuk urusan pengubatan secara tradisional. Lama-kelamaan beliau didapati mengajar Silat Lintau dan juga mengajar agama kepada murid-muridnya.

Menurut Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin menjelaskan di antara ajaran Silat Lintau ini ialah seperti berikut:

- Mempunyai niat sembahyang dalam bentuk hakikat.
- Kiblat dalam sembahyang ada empat kiblat:

- (1) Kiblat Ka'abah
- (2) Kiblat tikar sembahyang
- (3) Kiblat dalam diri dan
- (4) Kiblat kepada Allah.

Ajaran ini telah difatwakan haram melalui Fatwa Mufti Kerajaan bilangan (163) dalam MKB/31/1967-pt2 bertarikh 27 Oktober 1980 Masihi. Dalam fatwa tersebut menjelaskan bahawa Silat Lintau yang hendak ditubuhkan itu adalah sebagai topeng dalam menyebarkan ajaran sesat dan kufur kepada orang Islam. Ajaran ini sepertimana yang dilaporkan adalah suatu bahagian sihir dan ajaran batin yang wajib dijaui oleh umat Islam. Allahyarham Pehin Dato Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Brunei juga bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan supaya mereka yang terlibat ditaubatkan segera kerana satu daripada ajaran mereka itu membawa kepada kufur jika ia betul-betul diiktikadkan.

Ajaran al-Arqam

Ajaran al-Arqam telah membawa satu fahaman seperti berikut:

Pengasas Tariqat Aurat Muhammadiyah akan bangkit sebagai Imam al-Mahdi al-Muntazhar.

- Terdapat di dalamnya amalan menghadirkan roh-roh orang yang telah mati.

- Pemujaan yang berlebihan terhadap syeikh.
- Pengikut mereka beramal dengan majlis yaqazah yang didakwa kononnya turut dihadiri oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan para sahabat baginda.

Maka kerana itulah ajaran ini telah difatwakan haram melalui fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz sepertimana berikut:

- Siri 43/88 bertarikh 28 Zulkaedah 1408 Hijrah bersamaan 13 Julai 1988 Masihi, Bilangan (32) dalam MKB/PS/5/1987.
- Siri 15/89 bertarikh 06 Syaaban 1409 Hijrah bersamaan 14 Mac 1989 Masihi, Bilangan (22) dalam MKB/JUB/6/1982.
- Siri 65/89 bertarikh 15Rabiulakhir 1410 Hijrah bersamaan 14 November 1989 Masihi, Bilangan (57) dalam MKB/PS/5/1987.

Pengharaman Kumpulan al-Arqam di Negara Brunei Darussalam telah dibuat oleh Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri di bawah bab 9 (1) Akta Persekutuan-Persekutuan, Penggal 66 dan telah disiarkan dalam

Warta Kerajaan bertarikh 11 Mac 1991. Pengharaman ini adalah bagi membolehkan tindakan-tindakan dibuat ke atasnya sebagai pertubuhan / persatuan.

Cadangan pengharaman Kumpulan al-Arqam di Negara Brunei Darussalam telah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Undang-Undang Bagi Majlis Ugama Islam di bawah bab 42 (2) dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77 Semakan 1984. Pengharaman ini adalah bagi membolehkan pengikut-pengikut Pergerakan Kumpulan al-Arqam yang mengamalkan aqidah dan ajaran-ajaran kumpulan itu dapat dibicarakan atau disabitkan di Mahkamah-Mahkamah Syari'ah untuk tindakan mengenainya menurut undang-undang yang ada.

Mengenai pengharaman ajaran al-Arqam juga turut mendapat perhatian daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerusi titah perutusan baginda di Majlis Penyampaian Anugerah Masjid Terpilih sempena Sambutan Isra' dan Mi'raj pada 27 Rejab 1411 Hijrah bersamaan 12 Februari 1991 Masihi, antara lain petikan titah baginda:

"...Beta adalah bersetuju dengan nasihat Majlis Ugama Islam supaya Jemaah

Al-Arqaam itu diharamkan wujudnya di Negara Brunei Darussalam kerana ianya boleh menjejaskan kemurnian aqidah Islamiah dan amalan beragama yang sudah stabil, serta boleh juga menimbulkan ancaman-ancaman terhadap keselamatan negara ini...”

Ajaran Abdul Razak bin Haji Muhammad

Pengharaman ajaran Abdul Razak bin Haji Muhammad dibuat oleh Majlis Ugama Islam yang bersidang pada 10 Sya’aban 1414 Hijrah bersamaan 22 Januari 1994 Masihi. Pengharaman ajaran ini juga dibuat di bawah Akta Persatuan-Persatuan, Penggal 66 dan telah diwartakan dalam Warta Kerajaan No: 144 bertarikh 25 Zulkaedah 1425 Hijrah bersamaan 25 April 1995 Masihi. Di antara ajaran yang dibawa oleh Abdul Razak bin Haji Muhammad ialah:

- Memanggil roh orang yang mati untuk menjelma ke jasad orang yang hidup.
- Allah telah menjelma ke dalam jasad Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam*.

Pengharaman bagi segala buku-buku atau risalah-risalah ajaran Abdul Razak bin Haji Muhammad dibuat di bawah Akta Terbitan-Terbitan Yang Terlarang Penggal 25 dan telah diwartakan No: 145 bertarikh 25 Zulkaedah 1415 Hijrah bersamaan 25 April 1995 Masihi.

Manakala Fatwa mengenai Ajaran Abdul Razak bin Haji Muhammad telah dikeluarkan menerusi Siri Fatwa 14/96, Bilangan: 4-1.2/1Ej (5) bertarikh 24 Syawal 1416 Hijrah bersamaan 14 Mac 1996 Masihi yang difatwakan oleh Pehin Datu Seri Maharaja Datu Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan Brunei.

Dalam Fatwa ini dapatlah dirumuskan bahawa Ajaran Abdul Razak bin Haji Muhammad yang mendakwa Allah menjelma ke dalam jasad atau tubuh badan Rasulullah, bersatu dan bersepadu dua jasad dalam roh yang satu adalah ajaran salah, sesat lagi menyesatkan, bercanggah dengan Aqidah Ahli Sunnah wal Jama’ah dan boleh membawa kepada syirik, seterusnya murtad atau terkeluar daripada agama Islam. Bahkan dakwaan memanggil roh atau menghadirkan roh orang mati dan kemudian bercakap-cakap dan bertanya sesuatu kepada orang mati itu, adalah dakwaan yang batal yang tidak mempunyai penyokong sama ada dari nas ataupun logik dan tidak berlandaskan ilmu.

Dengan ini umat Islam adalah diharapkan agar jangan mudah terpedaya dengan orang-orang yang datang dari luar negeri dengan menawarkan dirinya untuk mengajar ajaran tanpa dipastikan keshahihannya terlebih dahulu dan yang lebih selamat hendaklah melalui pihak yang berkuasa agama di negara

kita, supaya masyarakat kita terselamat daripada pembawa-pembawa ajaran sesat yang bermotifkan kepentingan diri atau lain-lain motif jahat.

Perkara ini dikuatkan lagi dengan fatwa Syeikh al-Azhar bertarikh 1 Jamadilakhir 1414 Hijrah bersamaan 15 November 1993 Masihi menyatakan bahawa manusia bila mana rohnya berpisah dan bercerai dengan jasadnya tiada siapa yang mengetahui di mana tempatnya melainkan Allah sahaja, walaupun terdapat hadits-hadits yang menyatakan bahawa roh masih mempunyai hubungan dengan orang mati tetapi hanyalah sekadar untuk mendengar dan menjawab soalan daripada malaikat dan merasai nikmat dan azab, serta menjawab salam.

Ajaran Haji Kahar bin Ahmad

Ajaran Haji Kahar bin Ahmad telah difatwakan sesat oleh Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan Brunei. Siri Fatwa (01/2006) bilangan: 96-102/Ej (2) bertarikh 4 Zulhijjah 1426 Hijrah bersamaan 4 Januari 2006 Masihi mengenai Ajaran Haji Kahar bin Ahmad di Negara Brunei Darussalam akan dibuat pengharamannya di bawah bab 42 (2) dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77 Semakan 1984.

Ajaran ini sesat kerana ia bercanggah dengan ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* menurut fahaman Ahli Sunnah wal Jama'ah. Pengasas ajaran ini dan sesiapa yang mengikut atau mempercayai ajaran ini adalah terkeluar daripada agama Islam dan wajib segera meninggalkannya serta bertaubat.

Orang murtad atau orang yang keluar daripada agama Islam, tidak sah berkahwin dengan orang Islam dan tidak halal sembelihannya. Sekiranya dia suami atau isteri orang Islam kemudian dia murtad, maka putuslah nikah suami isteri itu setelah habis 'iddah isterinya, jika suami atau isteri itu tidak kembali kepada Islam dalam masa 'iddah dengan mengucap dua kalimah syahadat serta membuang i'tiqad kufur yang merupakan sebab dia menjadi murtad itu. Orang murtad tidak sah mempusakai harta pusaka orang Islam seperti bapanya, ibunya, saudaranya dan isterinya. Sekiranya orang murtad itu mati, mayatnya tidak boleh ditanam dalam perkuburan orang Islam kerana perkuburan Islam adalah waqaf untuk orang Islam, tidak boleh disembahyangkan dan mayatnya boleh diberi makan kepada anjing, tetapi sekiranya menyusahkan orang Islam, maka boleh ditimbus atau dicampakkan ke laut. Orang murtad sekiranya dia lapar atau haus, tidak boleh diberi makan atau minum sehingga dia kembali kepada Islam dengan mengucap dua kalimah syahadat.

Ajaran Kebatinan Haji Kamaruddin/ Bapak Bagindo Muchtar

Ajaran Kebatinan yang dibawa oleh Haji Kamaruddin / Bapak Bagindo Muchtar berasal dari Kampong Pariaman, Bukit Tinggi Padang, Minangkabau, Sumatera, Indonesia. Ilmu kebatinan dinamakan ilmu mengawal dan mengenal diri sendiri atau ilmu mengenal diri mengenal Tuhan dengan mengamalkan dua kalimat syahadat dan berzikir menyebut nama Allah sebanyak-banyak, sehingga adanya kuasa ghaib yang akan dirasakan di hujung jari. Rasa tersebut seperti semut / kebas, kemudian tangan akan bergerak sendiri.

Ajaran ini telah difatwakan sesat dan terkeluar daripada agama Islam oleh Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. Fatwa Mufti Kerajaan menyebutkan bahawa ajaran atau fahaman ilmu kebatinan ini walaupun dikatakan bukan ilmu agama oleh pengasasnya, namun keterangannya mengaitkan dengan roh, ketuhanan dan akhlak. Apa yang pasti, semua perkara tersebut adalah jelas berkaitan dengan ilmu agama dan beberapa keterangan yang diberikan dalam risalah yang disertakan adalah bersalahan dengan aqidah dan ajaran agama Islam dan ini boleh merosakkan dan menyesatkan orang-orang Islam. Yang paling ditakuti jika berpegang atau beramal dengan fahaman-fahaman seperti ini akan memesongkan aqidah dan seterusnya

mengeluarkan pengamalnya daripada Islam (murtad). Janganlah terpengaruh dan terikut-ikut dengan sesuatu ajaran songsang seperti ini, sekalipun pengamalnya menunjukkan sesuatu yang luar biasa. Ini mungkin saja petanda berlaku istidraj, yang pasti ia bukanlah keramat. Oleh itu, peliharalah kesucian aqidah Islam dengan mengelakkan diri daripada terlibat dengan ajaran atau fahaman yang tidak bersumberkan al-Qur'an dan hadits Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*.

Secara kesimpulannya, masyarakat Islam di negara ini adalah disarankan supaya lebih berhati-hati dan berwaspada supaya tidak mudah terpedaya apatah lagi menerima sesuatu fahaman atau ajaran tersebut tanpa usul periksa.

Oleh yang demikian, jika kita mendapati mana-mana pertubuhan atau orang perseorangan yang membawa sesuatu ajaran atau fahaman yang meragukan atau jelas bertentangan dengan ajaran agama Islam, maka hendaklah segera melaporkannya atau merujuk perkara tersebut kepada pihak-pihak yang berautoriti atau yang bertanggungjawab menanganinya seperti Jabatan Mufti Kerajaan, Bahagian Kawalan Aqidah, Pusat Da'wah Islamiah dan sebagainya.

Kesimpulan

Setiap tindak tanduk pihak kerajaan khususnya dalam memelihara kesucian

agama Islam sangat ketara di negara ini. Tujuannya ialah supaya rakyat dan penduduk di negara ini sentiasa hidup harmoni, pegangan aqidah terjaga berpandukan kepada kefahaman Aqidah Ahli Sunnah wal Jama'ah dan bermazhabkan al-Syafi'ie. Mana-mana perintah atau akta undang-undang yang dikuatkuasakan adalah memenuhi kehendak syara'. Lebih-lebih lagi dalam kaedah fiqh ada menyebutkan:

تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنْوُطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

Ertinya:

Tindakan ketua negara ke atas rakyat terikat dengan mashlahat.

Menurut Allahyarham Dato Paduka Seri Setia Prof. Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman, mashlahah yang dimaksudkan menerusi kaedah fiqh di atas ialah mashlahah yang diiktiraf oleh syara'.

Sementara menurut Mufti Kerajaan Brunei ketika menukilkan pendapat Asy-Syaikh Ahmad az-Zarqa' menjelaskan kaedah fiqh di atas bermaksud kelulusan tindak-tanduk pihak berkuasa ke atas rakyat dan keterikatannya ke atas mereka, sama ada mereka mahu

atau enggan, adalah tertakluk dan terhenti kepada adanya faedah dan manfaat sama ada dari segi agama atau keduniaan di dalam tindakan tersebut.


Hal ini dikuatkan lagi dengan kenyataan daripada *Dar al-Ifta' al-Misriyah* tentang hujjah fiqh:

فَمَتَى كَانَتْ هُنَاكَ مَصْلَحَةٌ عَامَّةٌ جَامِعَةٌ لَشَرَائِطِهَا،
فَإِنْ تَصَرَّفَ... الْإِمَامُ بِنَاءً عَلَى ذَلِكَ تَصَرَّفَ
شَرْعِيٌّ صَحِيحٌ يَنْبَغِي إِتْقَانُهُ وَالْعَمَلُ بِهِ، وَلَا يَجُوزُ
التَّحَايُلُ لِلتَّخْلُصِ مِنْهُ، وَيَجِبُ عَلَى الرَّعِيَّةِ
الْسَّمْعُ وَالطَّاعَةُ حِينَئِذٍ...

Ertinya:

Maka apabila terdapat kemaslahatan umum yang menepati syarat-syaratnya, maka pengurusan (keputusan) pemerintah yang terbina di atasnya dianggap pengurusan syara' dan benar (diiktiraf sebagai hukum syara'). Ia wajib dilaksanakan dan diamalkan. Tidak harus berhelah untuk tidak melaksanakannya. Adalah wajib ke atas rakyat mendengar dan mentaatinya... 

والله اعلم بالصواب



FIQAH

Buli

Dalam Dunia Digital

Buli adalah satu perbuatan yang berlaku dalam masyarakat dan memberi kesan negatif kepada mangsa dari segi fizikal, mental dan emosi. Fenomena ini bukan sahaja berlaku di sekolah dan tempat kerja tetapi juga dalam kalangan masyarakat umum, termasuk di alam maya (*cyberbullying*). Kemajuan teknologi telah membawa banyak manfa'at kepada manusia, tetapi pada masa yang sama, ia juga membuka ruang kepada perlakuan yang tidak sihat seperti buli siber.

Buli siber merujuk kepada perbuatan menghina, mengugut, menyebarkan fitnah atau mempermalukan seseorang melalui platform digital termasuklah media sosial, aplikasi mesej dan laman sesawang.

Perbuatan buli sangatlah bertentangan dengan ajaran Islam kerana ia termasuk dalam kategori kezaliman, penghinaan dan ketidakadilan terhadap individu lain. Setiap individu bertanggungjawab atas kata-kata dan perbuatan mereka, termasuk apa yang dikongsikan secara

mayas melalui pelbagai *platform* media sosial yang ada sekarang.

Dari sudut Islam, buli boleh dikategorikan sebagai:

Kezaliman

Perbuatan menindas dan menafikan hak individu lain merupakan satu kezaliman. Islam sangat melarang umatnya melakukan kezaliman sepertimana di dalam sebuah hadits riwayat Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada

Jabir bin 'Abdullah Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

اتَّقُوا الظُّلْمَ فَإِنَّ الظُّلْمَ ظُلُمَاتٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya:

Berhati-hatilah kamu dengan kezaliman, kerana kezaliman itu adalah kegelapan pada hari Kiamat.

Menyakiti seseorang melalui perkataan atau perbuatan, termasuk dalam dunia digital, adalah bentuk kezaliman yang akan mendapat balasan Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Ihanah (penghinaan)

Menghina atau memperkecilkan orang lain dengan kata-kata yang menyakitkan hati sepertimana dalam firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Hujuraat ayat 11:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخَرُ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰ أَن يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّن نِّسَاءٍ عَسَىٰ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْعَزُوا أُنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَرُوا بِالْأَلْقَابِ بِئْسَ الْأَسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ ۚ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿١١﴾

Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum mengejek-ejek satu kaum yang lain, boleh jadi kaum

yang diejek itu lebih baik daripada mereka, dan janganlah pula (satu kaum) perempuan mengejek (satu kaum) perempuan yang lain, boleh jadi (kaum) perempuan yang diejek itu lebih baik daripada mereka. Dan janganlah kamu mencaci sesama kamu dan janganlah pula kamu panggil-memanggil dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah panggilan fasiq sesudah seseorang itu beriman. Dan sesiapa yang tidak bertaubat maka mereka itulah orang yang zalim.

Islam melarang menghina atau mengejek seseorang, sama ada secara langsung atau melalui platform digital.

Tajassus (Mengintip dan Menyebarkan Aib Orang Lain)

Menyebarkan keburukan orang lain atau mencari-cari kesalahan orang lain merupakan salah satu perbuatan yang boleh termasuk dalam perbuatan buli. Ianya juga boleh terjadi secara alam maya melalui media sosial yang ada pada masa kini. Islam sangatlah melarang umatnya daripada melakukan perbuatan ini sepertimana dalam firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Hujuraat ayat 12:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَبَ بَعْضُكُم بَعْضًا أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ

لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْنَاهُ وَأَتَقُوا اللَّهَ يَا أَبْنَاءَ اللَّهِ
تَوَّابٌ رَحِيمٌ ﴿٦٢﴾

Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu dosa. Dan janganlah kamu mengintip (mencari-cari kesalahan) orang dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka sudah tentu kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Pengasih.

Namimah (Adu Domba)

Menyebarkan fitnah atau menghasut orang lain untuk membenci seseorang dan perbuatan ini amatlah dibenci oleh Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam sepertimana di dalam sebuah hadits riwayat Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Hudzaifah Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ تَمَامٌ

Maksudnya:

Tidak akan masuk syurga orang yang suka menyebarkan fitnah (adu domba).

Menyebarkan keburukan orang lain atau mencari-cari kesalahan orang lain merupakan salah satu perbuatan yang boleh termasuk dalam perbuatan buli.

Menggunakan media sosial untuk menyebarkan keburukan orang lain adalah perbuatan yang dilarang dalam Islam.

Buli siber merujuk kepada penggunaan teknologi untuk menyakiti atau menindas seseorang. Antara bentuk buli siber yang sering berlaku ialah:

- **Penghinaan dan Kata-Kata Kesat**

Menggunakan media sosial untuk mencerca atau mengejek individu lain.

- **Penyebaran Fitnah**

Menyebarkan maklumat palsu atau tuduhan tidak berasas untuk memburukkan seseorang.

- **Mengumpat Secara Digital**

Berkongsi keburukan seseorang dalam bentuk mesej, video, atau gambar tanpa izin.

- **Pengancaman dan Pemerasan**

Menggunakan mesej atau media untuk mengugut seseorang. Menyebarkan maklumat peribadi seseorang tanpa kebenaran.

- **Menyebarkan Gambar atau Video Memalukan**

Memalukan seseorang dengan menyebarkan imej atau rakaman tanpa persetujuan.

- **Serangan Beramai-Ramai (*Cyber Harassment*)**

Menggalakkan orang lain untuk membuli seseorang dalam talian.

Prinsip Perundangan Islam Menangani Buli Siber

Perundangan Islam berasaskan kepada Maqashid Syari'ah iaitu tujuan syariah untuk memelihara lima perkara utama iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda.

Buli siber jelas melanggar prinsip ini, khususnya dalam aspek pemeliharaan nyawa dan akal kerana boleh menyebabkan tekanan mental yang serius. Malah, dalam beberapa kes, buli siber membawa kepada kematian akibat bunuh diri. Oleh itu, tindakan buli siber boleh dikategorikan sebagai perbuatan yang memudharatkan, wajib dicegah serta dihukum.

Dalam konteks undang-undang jenayah Islam, buli siber boleh dikategorikan sebagai satu bentuk jenayah memerlukan hukuman ta'zir.

Hukuman ta'zir merujuk kepada hukuman ditetapkan oleh pihak berkuasa berdasarkan keseriusan kesalahan dan kemudharatan yang diakibatkan kepada mangsa. Jenayah seperti fitnah dan penghinaan, boleh

dikenakan hukuman ta'zir apabila hukuman itu bergantung kepada budi bicara hakim. Oleh itu, perbuatan buli siber yang melibatkan fitnah dan penghinaan juga boleh dikenakan hukuman serupa. Hukuman ini bertujuan memberikan keadilan kepada mangsa dan menjadi pengajaran kepada pelaku agar tidak mengulangi kesalahan sama.

Selain itu, buli siber juga boleh dikaitkan dengan konsep diyat atau pampasan bagi mangsa. Dalam kes mangsa mengalami kemudharatan emosi atau mental yang serius akibat buli siber, perundangan Islam membenarkan pembayaran pampasan kepada mangsa sebagai satu bentuk keadilan. Ini bertujuan memulihkan keadaan mangsa dan

memberikan penebusan bagi kesalahan dilakukan oleh pelaku. Pampasan ini bukan sahaja boleh berbentuk wang, tetapi juga merangkumi permohonan maaf secara terbuka dan sokongan psikologi untuk mangsa. Menerusi cara ini, mangsa boleh berasa dihargai dan diberi perhatian dalam usaha pemulihan mereka.

Kesan Buli Siber Dalam Kehidupan

Berikut adalah kesan yang berlaku terhadap pembuli dan mangsa buli, antaranya ialah:

Kesan Terhadap Mangsa

- Boleh menyebabkan tekanan emosi dan kemurungan.

Mangsa buli siber boleh menyebabkan tekanan mental yang serius.

Hilang keyakinan diri dan takut untuk bersosial.

- Dalam kes yang serius, boleh menyebabkan bunuh diri akibat tekanan yang begitu dahsyat.

Kesan Terhadap Pelaku

- Menanggung dosa besar kerana menzalimi orang lain.
- Boleh dikenakan tindakan undang-undang jika perbuatan buli melanggar hukum negara.

Kesan Terhadap Masyarakat

- Mewujudkan suasana permusuhan dan ketakutan dalam dunia digital.
- Membentuk budaya toksik dalam media sosial yang boleh merosakkan generasi akan datang.

Cara Mencegah Buli

Ada beberapa cara yang boleh diamalkan untuk mencegah perbuatan buli, antaranya ialah:

- **Mengamalkan Adab dan Akhlak Islam dalam Media Sosial**

Setiap muslim wajib menjaga tutur kata dan tidak menulis perkara yang boleh menyakiti orang lain. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Israa' ayat 53:

وَقُلْ لِعِبَادِي يَقُولُوا الَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ الشَّيْطَانَ
يَنْزِعُ بَيْنَهُمْ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلْإِنْسَانِ عَدُوًّا
مُبِينًا ﴿٥٣﴾

Mafhumnya:

Dan katakanlah (wahai Nabi Muhammad) kepada hamba-hamba-Ku (yang beriman) supaya mereka berkata-kata dengan cara yang terbaik (apabila berdebat dengan orang-orang kafir). Sesungguhnya syaitan itu sentiasa merosakkan perhubungan antara mereka (orang-orang beriman dan orang-orang kafir). Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang nyata bagi manusia.

- **Menjaga Lisan dan Jari dalam Dunia Digital**

Setiap muslim haruslah menjaga lisan dan jari jemari mereka ketika menggunakan media sosial dan semestinya untuk berfikir dahulu sebelum mereka berkongsi atau menulis sesuatu. Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Hudzaifah *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكُلْ
حَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ

Maksudnya:

Barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat, hendaklah dia berkata yang baik atau diam.

- **Mengelakkan Penyebaran Fitnah dan Berita Palsu**

Sebelum menyebarkan sesuatu berita atau pun maklumat, seseorang itu perlu menyelidik kebenarannya agar tidak terlibat dalam dosa fitnah dan tidak terlibat dalam menyebarkan berita palsu. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah an-Nuur ayat 19:

إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفَاحِشَةُ فِي الَّذِينَ
ءَامَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ
وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٩﴾

Maafumnya:

Sesungguhnya orang-orang yang suka menyebarkan perbuatan keji (tuduhan palsu) di kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab yang pedih di dunia (dengan pelaksanaan hukum had) dan di akhirat (dengan api neraka). Dan Allah mengetahui (perkara yang sebenarnya) sedangkan kamu tidak mengetahuinya.

- **Melaporkan dan Mencegah Buli**

Jika melihat kejadian buli di dunia yang nyata ataupun sebaliknya,

seseorang itu semestinya melaporkan kepada pihak-pihak tertentu. Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Sa'id al-Khudri *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

مَنْ رَأَى مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ
فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ
أَضْعَفُ الْإِيمَانِ

Maksudnya:

Barang siapa di antara kamu melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya; jika tidak mampu, maka dengan lisannya; dan jika tidak mampu juga, maka dengan hatinya, dan itulah selemah-lemah iman.

Kesimpulannya, buli siber adalah perbuatan dosa besar dalam Islam kerana ia melibatkan kezaliman, penghinaan, fitnah, dan penyebaran aib orang lain. Dunia digital bukanlah tempat untuk bertindak sewenang-wenangnya, sebaliknya setiap muslim perlu bertanggungjawab terhadap kata-kata dan perbuatannya di internet. Ketika mana kita menyedari hakikat ini, bahawa segala amalan kita akan dihitung dan dipertanggungjawabkan, maka sudah tentulah kita akan merasa insaf. Disuburkan pula dengan rasa hormat serta kasih sayang sesama manusia yang lain. Ingatlah bahawa kita

semua akan kembali menemui Tuhan kita. Sekiranya baik segala amalan kita di dunia ini maka kita pasti akan mendapat kebaikan di akhirat sana. Sebaliknya, jika amal-amal buruk sahaja yang kita bawa sepanjang perjalanan di dunia ini, buruk jugalah balasan yang bakal kita terima. 

*Manfaatkanlah
sebaiknya
kemudahan
alat digital,
elakkanlah dari
menjadi seorang
pembuli siber*



Bicara Muslimah



Flak-Flak Wanita

Selepas Pembubaran Ikatan Perkahwinan

Sungguhpun ikatan pernikahan telah putus akibat jatuh thalaq, Islam masih memberi ruang kepada pasangan suami isteri untuk terus berhubung di antara satu sama lain dengan batas-batas pergaulan yang diharuskan oleh hukum syara'. Matlamat ini amat murni bagi memastikan hak-hak bekas suami isteri dan anak-anak terus dilindungi.

Hak-hak yang boleh dituntut di mahkamah selepas sesuatu perceraian berlaku ialah:

- Nafkah 'Iddah
- Tunggakan Nafkah
- Nafkah Anak
- Tunggakan Nafkah Anak
- *Mut'ah*
- Harta Sepencarian
- Hak Jagaan Anak *Hadhanah* (حضانة)
- Hak Tempat Tinggal

Nafkah 'Iddah

Nafkah 'iddah ialah nafkah yang wajib dibayar kepada bekas isteri di dalam tempoh 'iddah raji'e disebabkan sesuatu perceraian iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal mengikut hukum syara'. Sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah at-Thalaq ayat 7:

لِيُنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ وَمَن قَدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ
فَلْيُنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ...

Mafhumnya:

Orang yang mampu hendaklah memberi nafkah (kepada isteri yang dithalaq dan yang sedang menyusukan) menurut kemampuannya, dan sesiapa yang disempitkan rezekinya maka dia hendaklah memberi nafkah daripada apa yang dikurniakan Allah kepadanya (sekadar kemampuannya)...

Hikmahnya ialah supaya kedua-dua belah pihak boleh menggunakan tempoh 'iddah raji'e tersebut untuk berfikir panjang.

Walaupun bagaimanapun, terdapat syarat-syarat yang membenarkan seseorang isteri yang telah diceraikan berhak untuk mendapat nafkah. Antara syarat-syaratnya ialah:

- Isteri diceraikan dengan **thalaq raji'e**

Isteri yang telah diceraikan dengan **thalaq raji'e** iaitu talak yang boleh diruju'

berhak mendapat tempat tinggal dan nafkah keperluan asas seperti pakaian, perbelanjaan makan dan minuman serta pakaian. Imam an-Nasa'ie dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada Fatimah binti Qais bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

إِنَّمَا التَّقَهُ وَالسُّكْنَى لِلْمَرْأَةِ إِذَا كَانَ لِرُؤُوسِهَا عَلَيْهَا
الرَّجْعَةُ

Maksudnya:

Hanya saja nafkah dan tempat tinggal (rumah) bagi perempuan yang boleh diruju' oleh suaminya.

- Isteri hamil diceraikan dengan **thalaq ba'in**

Isteri yang sedang hamil yang diceraikan dengan **thalaq ba'in** iaitu thalaq yang tidak boleh diruju' semula juga berhak mendapat nafkah sehingga anak tersebut lahir. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah at-Thalaq ayat 6:

...وَأَن كُنْ أُولَاتٍ حَمْلٍ فَأَنفِقُوا عَلَيْهِنَّ حَتَّى
يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ...

Mafhumnya:

...Dan jika mereka sedang mengandung maka berilah mereka nafkah sehingga mereka melahirkan kandungan mereka...

Walaupun wanita hamil itu telah diceraikan dengan **thalaq ba'in**, bekas

suami wajib menyediakan nafkah 'iddah dengan sempurna demi menjaga kebajikan dan kesihatan si ibu dan anak di dalam kandungannya.

- **Isteri yang tidak nusyuz**

Menurut hukum syara', isteri yang diceraikan dalam keadaan dia taat dan patuh serta tidak berbuat nusyuz berhak ke atasnya nafkah 'iddah dari suami. Seperti yang tercatat dalam kitab *Kifayah al-Akhyar* berbunyi 'Apabila seseorang isteri nusyuz maka gugurlah hak isteri untuk menerima nafkah, pakaian dan giliran'.

Tunggakan Nafkah

Nafkah isteri tertunggak atau tunggakan nafkah adalah nafkah yang tidak ditunaikan oleh suami kepada isterinya semasa dalam ikatan perkahwinan. Ini termasuk tidak membayar mas kahwin, tidak memberi nafkah ketika hidup berumah tangga, tunggakan nafkah anak dan sebagainya. Tunggakan-tunggakan ini pada akhirnya akan menjadi hutang pada si suami dan wajib dibayar.

Nafkah Anak

Nafkah anak ialah suatu nafkah wajib ke atas seseorang bagi menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan orang lain. Nafkah anak ini termasuklah makanan, pakaian, tempat tinggal,

pendidikan dan perubatan sekadar mencukupi mengikut kemampuannya.

Tunggakan Nafkah Anak

Tunggakan nafkah anak boleh dipohon kepada mahkamah apabila suami atau bekas suami telah gagal melaksanakan satu perintah nafkah anak yang telah dikeluarkan oleh mahkamah. Tunggakan tersebut boleh dipohon dari tarikh kegagalan membayar perintah nafkah anak tersebut.

Mut'ah (مَتْعَه)

Mut'ah merupakan satu bayaran yang wajib diberikan oleh suami kepada isteri yang telah diceraikan tanpa sebab yang munasabah mengikut hukum syara'. *Mut'ah* boleh diberi dalam bentuk pakaian, barang-barang atau wang bersesuaian dengan keadaan dan kedudukan kewangan suami. Ini kerana Islam tidak menetapkan kadar pemberian *mut'ah* sebaliknya lebih kepada persetujuan kedua-dua belah pihak. Sekiranya terdapat pertikaian mengenai kadar ini, mahkamah akan menentukan kadar bayaran *mut'ah* tersebut.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Baqarah ayat 241:

وَالْمُطَلَّقَاتِ مَتَاعٌ بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى
الْمُتَّقِينَ ﴿٢٤١﴾

Mafhumnya:

Dan isteri-isteri yang diceraikan berhak mendapat mut'ah (bayaran suguhati daripada suaminya mengikut kemampuan suami) dengan cara yang patut sebagai suatu ketentuan atas orang-orang yang bertaqwa.

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Ahzaab ayat 49:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نَكَحْتُمُ الْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ
طَلَقْتُمُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوهُنَّ فَمَا لَكُمْ
عَلَيْهِنَّ مِنْ عِدَةٍ تَعُدُّوهنَّ فَمَتَّعُوهُنَّ
وَسَرَّحُوهُنَّ سَرَاحًا جَمِيلًا ﴿١٩﴾

Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu menyentuh (melakukan jimak dengan mereka), maka tiadalah kewajiban atas mereka ber'iddah buat kamu. Oleh itu berilah mut'ah kepada mereka dan lepaskanlah mereka dengan cara yang baik.

Harta Sepencarian

Harta sepencarian bermaksud harta yang diperolehi bersama oleh suami dan isteri semasa masih dalam ikatan perkahwinan. Harta sepencarian termasuklah wang ringgit, harta alih

Dalam kes thalaq raj'ie bekas suami masih bertanggungjawab memberi nafkah kepada isteri sepanjang tempoh 'iddah. Ini termasuk makanan, pakaian, dan tempat tinggal.

seperti kendaraan, harta tak alih seperti rumah atau apa-apa aset yang dihasilkan atas perkongsian bersama dalam tempoh perkahwinan. Tuntutan harta sepencarian ini hendaklah dikemukakan ke mahkamah.

Pada asalnya, tuntutan harta sepencarian adalah berdasarkan adat. Walau bagaimanapun prinsip tersebut tidak berlawanan dengan kehendak syari'ah Islam. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah an-Nisaa' ayat 32:

...لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا اكْتَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ
نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبْنَ...

Mafhumnya:

...(Kerana) untuk laki-laki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan, dan untuk perempuan ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan..."

Berdasarkan ayat di atas menjelaskan bahawa hak wanita di dalam harta benda yang dituntut adalah bergantung dari apa yang diusahakan.

Hak Jagaan Anak *Hadhanah* (حضانة)

Hadhanah bermaksud menjaga kanak-kanak yang masih kecil yang belum berupaya untuk menguruskan dirinya sendiri dan mendidiknya dengan pelbagai elemen sesuai dengan perkembangan. Bagi kanak-kanak

yang masih kecil, *hadhanah* berakhir sehinggalah umur kanak-kanak itu *mumayyiz*.

Mengikut hukum syara', ibu adalah yang paling berhak bagi menjaga anak-anaknya yang masih kecil.

Sebagaimana dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Baihaqi dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada 'Abdullah bin 'Amru berkata: Seorang wanita (datang berjumpa Rasulullah) dan berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya anakku ini, perut akulah yang mengandungnya, susu akulah yang diminumnya, dan ribaku inilah tempat ribaannya. Sesungguhnya bapanya telah menceraikanku dan sekarang ia ingin mengambil anakku." Maka Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

أَنْتِ أَحَقُّ بِهِ مَا لَمْ تَنْكِحِي

Maksudnya:


Kamu lebih berhak ke atas anak itu (daripada bekas suamimu) selagi kamu tidak berkahwin.

Bagaimanapun jika anak itu melebihi had umur di atas maka mahkamah akan menentukan penjagaan anak berdasarkan pilihan yang dibuat oleh anak-anak tersebut sama ada hendak tinggal bersama ibu atau bapa. Tuntutan hak jagaan anak (*hadhanah*) ini hendaklah dikemukakan ke mahkamah.

Hak Tempat Tinggal

Perempuan yang diceraikan berhak untuk tinggal di rumah yang biasa ia diami semasa dalam ikatan perkahwinannya selama tempoh 'iddahnya.

Isteri yang diceraikan berhak tinggal di rumah yang biasa didiaminya semasa perkahwinan sepanjang tempoh iddah, kecuali jika ada keperluan mendesak atau darurat.





ANTARA PETIKAN BERITA KES BULI YANG PERNAH BERLAKU DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 JAN
– Berikutan dengan video buli melibatkan beberapa orang remaja dan seorang mangsa yang tular baru-baru ini, Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak (USJPWKK) Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) sedang menjalankan siasatan mengenai kejadian tersebut.

Kejadian berkenaan telah dilaporkan oleh pihak polis pada 19 Januari lalu di Balai Polis Kuala Belait.

Pihak polis segera mengumpulkan maklumat dan siasatan sedang dijalankan. Kes tersebut disiasat di bawah seksyen 323, Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 iaitu menyebabkan dan mendatangkan kecederaan.

- Sumber Media Permata Brunei-

PERLAKUAN BULI DI SEKOLAH TULAR BRUNEI MUARA,

Isnin 26 Jun- Unit Siasatan Jenayah Penderaan Kanak-Kanak dan Wanita, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) sedang giat menjalankan satu siasatan terhadap dua video tular yang memaparkan dua kejadian buli yang berasingan yang melibatkan dua mangsa. Kedua-dua kejadian telah dilaporkan oleh pihak polis pada 24 Jun 2023 di Balai Polis Bandar Seri Begawan, PPDB.

Menerusi sesi rakaman video-video tersebut, masing-masing menunjukkan seorang pelajar lelaki (mangsa) telah dipukul menggunakan tangan serta kaki tanpa sebarang objek lain oleh seorang pelajar lelaki (suspek), sambil dirakam oleh beberapa pelajar yang lain.

Pihak polis segera mengumpulkan maklumat dan siasatan pun telah dijalankan. Kedua-dua kes ini disiasat di bawah seksyen 323, Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 iaitu menyebabkan dan mendatangkan kecederaan.

PPDB menegaskan kepada orang ramai terutamanya pelajar-pelajar sekolah agar menghindari dari kelakuan membuli kerana ianya boleh menjurus kepada perbuatan jenayah. PPDB juga ingin mengingatkan orang ramai agar tidak membuat spekulasi dan menyebarkan maklumat-maklumat tidak sahih yang boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman mana-mana pihak.

Dikeluarkan oleh :
UNIT PERHUBUNGAN AWAM
PEJABAT PESURUHJAYA POLIS
PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI



Kenali
Rasul

Rasulullah

Manusia Paling Sabar

Selain mempunyai empat sifat mulia iaitu *siddiq*, *amanah*, *tabligh*, dan *fathanah*, Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* juga mempunyai sifat teladan yang lain iaitu sabar dan penyayang. Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* merupakan manusia yang paling sabar. Tiada manusia yang sabar setanding dengan Rasulullah. Baginda mampu melalui segala bentuk rintangan, musibah, kesusahan, malapetaka, krisis dan penghinaan yang dilemparkan kepadanya dengan sabar dan tabah.

Sifat sabar Rasulullah tidak hanya ditujukan buat umatnya saja tapi juga kepada musuhnya. Kejayaan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dalam perjuangan untuk menegakkan Islam adalah hasil dari kesabaran dan ketabahan baginda menghadapi segala rintangan dan penentangan.

Dikisahkan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* pernah dibaling dengan batu sehingga berdarah oleh penduduk Taif sewaktu baginda berdakwah di sana. Seheinggakan malaikat Jibril menawarkan kepada baginda untuk membalikkan bukit ke atas bumi Taif. Akan tetapi atas keluhuran pekerti baginda, Rasulullah sebaliknya menghalang Jibril daripada berbuat demikian dan mengharapkan agar generasi Taif yang seterusnya akan beriman kepada Allah dan Rasulnya.

Dalam satu peristiwa lain yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Anas bin Malik *Radhiallahu 'anhu* bahawa seorang Arab Badwi telah membuang air kecil di dalam masjid, lalu orang ramai pun segera mengerumuninya, maka Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda: "Biarkanlah." Kemudian baginda meminta sebaldi air lalu mencurahkan ke atasnya (membasuhnya).

Sesungguhnya kesabaran merupakan salah satu sifat yang paling terpuji menurut agama Islam dan merupakan senjata paling penting dalam

menghadapi pelbagai ujian, bencana dan kesusahan. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah Aali 'Imraan ayat 200:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَبِرُوا وَصَابِرُوا
وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٢٠٠﴾

Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara kebajikan), kuatkanlah kesabaran kamu (dalam menghadapi orang-orang kafir) dan bersiap sedialah (dengan kekuatan pertahanan di sempadan negeri kamu) serta bertaqwalah kepada Allah supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan).

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memuji ketinggian akhlak Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* sebagai orang yang memiliki sifat sabar yang tinggi. Inilah salah satu akhlak terpuji yang patut dimiliki seseorang agar hidup bahagia di dunia dan akhirat. Sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam Surah asy-Syuura ayat 43:

وَلَمَن صَبَرَ وَغَفَرَ إِنَّ ذَٰلِكَ لَمِنَ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿٤٣﴾

Mafhumnya:

Dan orang yang bersabar serta memaafkan (kesalahan orang lain

terhadapnya), sesungguhnya yang demikian itu adalah daripada perkara-perkara yang sangat utama untuk dilaksanakan (digalakkan oleh syari'at).

Dengan kesabaran, seseorang itu tidak akan bertindak di luar batas pemikirannya. Sifat sabar membolehkan kita mengatasi segala ujian dan menghadapi kesukaran dari setiap sudut kehidupan ini dengan tenang dan aman. Tetapi ianya tidak mudah untuk dilakukan. Sifat sabar itu memerlukan pengorbanan yang besar. Terkadang melibatkan soal harta, hati, perasaan dan maruah. Kesabaran boleh meletakkan seseorang itu berhak mendapat syurga Jannatun Naim, iaitu suatu tempat tinggal yang tenteram, kediaman yang penuh bahagia di akhirat nanti.

Sabar adalah merupakan satu kewajipan dan ada disebut dalam beberapa ayat al-Qur'an, antaranya firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 45:

وَأَسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ...

Mafhumnya:

Dan mintalah pertolongan (kepada Allah atas segala urusan kamu) dengan kesabaran dan mendirikan sembahyang... 





Fokus

Buli

Pembahasan gejala buli merupakan satu fenomena yang berlaku di seluruh dunia tanpa mengira jantina, usia, pangkat, bangsa, budaya atau agama. Secara harfiahnya, istilah perkataan buli dalam al-Qur'an tidaklah ada melainkan terdapat banyak ayat al-Qur'an secara tegasnya melarang perilaku-perilaku yang boleh dikategorikan dan termasuk sebagai buli, seperti perbuatan memperolok-olokkan, mencela, memberi gelaran yang buruk dan menyakiti orang lain. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang dapat dikaitkan atau sebagai dalil utama dalam larangan buli ini, adalah di dalam surah al-Hujuraat, ayat 11:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يَسْخَرُ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰ
أَن يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّن نِّسَاءٍ عَسَىٰ أَن
يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْعَنُوا أُنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَرُوا
بِالْأَلْقَابِ بِئْسَ الْأُسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ
وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿١١﴾

Mafhumnya

Wahai orang-orang yang beriman!
Janganlah satu kaum mengejek-ejek
satu kaum yang lain, boleh jadi kaum
yang diejek itu lebih baik daripada
mereka, dan janganlah pula (satu kaum)
perempuan mengejek (satu kaum)
perempuan yang lain, boleh jadi (kaum)
perempuan yang diejek itu lebih baik

daripada mereka. Dan janganlah kamu mencaci sesama kamu dan janganlah pula kamu panggil-memanggil dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah panggilan fasiq sesudah seseorang itu beriman. Dan sesiapa yang tidak bertaubat maka mereka itulah orang yang zalim.

Ayat ini secara terang dan jelas menunjukkan tiga bentuk perilaku yang merupakan intipati dari perbuatan buli, iaitu:

- i. mengolok-olok, mengejek atau mentertawakan orang lain kerana kekurangan atau kelemahan mereka.
- ii. Mencela, memburuk-burukkan atau mencaci maki orang lain, baik dengan perkataan mahupun isyarat.

- iii. Melabel atau memberi gelaran yang buruk, memanggil orang lain dengan nama atau julukan yang tidak disukai atau merendahkan.

Sebelum mengupas lebih dalam lagi, ada baiknya kita memahami dengan apa yang dimaksudkan dengan buli? Adakah ianya satu penyakit atau apa? Dan bagaimana ianya dielakkan atau membenters dari buli.

Buli adalah satu bentuk keganasan sama ada ianya dilakukan secara fizikal, verbal ataupun emosi, yang dilakukan secara sengaja oleh seseorang individu atau kumpulan, terhadap mangsa yang biasanya dianggap lebih lemah. Fenomena ini bukan sahaja berlaku di sekolah bahkan juga di tempat kerja,

"Mereka yang dibuli akan mengakibatkan kesan psikologi yang mendalam"

dalam komuniti, dan juga di media sosial atau dipanggil dengan “*cyberbullying*.”

Perbuatan buli boleh sahaja meninggalkan kesan sangat mendalam dan kecalaran terhadap mangsa, sama ada dari sudut psikologi mahupun fizikal, (Masalah buli dalam kalangan murid: apakah kata guru? - Jurnal Perspektif (2019) Jil.11 Bil.2 (1-14).)

Buli boleh berlaku dalam pelbagai variasi atau bentuk, yang antara lain seperti:

- Buli fizikal, yang melibatkan fizikal seperti memukul, menendang, menolak atau merosakkan harta benda mangsa.
- Buli verbal, menggunakan kata-kata kesat, menghina, memanggil nama buruk atau menyindir mangsa.
- Buli sosial atau emosi, biasanya mangsa dipulaukan, diperkecilkan atau disisihkan dari kumpulan atau kelompok.
- Buli siber atau “*Cyberbullying*”, yang kita dapati melalui *platform* atau medium media massa, seperti media sosial *Facebook*, e-mel mahupun aplikasi pesanan.

Jika kita melihat bahawa antara faktor atau penyebab yang seringkali menyumbang ke arah tingkah laku perbuatan buli ini adalah:

- Anak yang dibesarkan dalam suasana persekitaran yang kasar atau selalu melihat ibu bapa yang bersikap agresif hingga menyebabkan anak meniru tingkah laku tersebut.
- Kurangnya perhatian dan kasih sayang daripada keluarga boleh sahaja menyebabkan anak-anak atau individu itu mencari perhatian dengan cara negatif.
- Pengaruh kawan supaya diterima dalam satu-satu kumpulan, setentunya mungkin akan mengikut tingkah laku buli dari kawan-kawan.
- Kurangnya empati dari pembuli yang selalu tidak memahami atau tidak peduli akan perasaan mangsa dan tidak menyedari akan tindakan mereka memberi kesan buruk kepada orang lain.
- Adanya masalah psikologi bagi seorang pembuli yang sebenarnya mengalami tekanan emosi, dan rendah diri.

Kesedaran di negara kitani mengenai perkara kes buli ini turut diambil berat dan perhatian. Pada tahun 2018, isu buli pernah disebutkan dalam khutbah Jumaat, antara lain kandungan khutbah Jumaat itu: “Pada masa ini gejala buli banyak berlaku sama ada di institusi pendidikan, sekolah, tempat kerja, tempat awam dan sebagainya. Antara

faktor utama gejala buli ini, terutama di sekolah-sekolah, kerana kurangnya penghayatan agama dalam kehidupan seharian, pengaruh buruk rakan sebaya, untuk menutup kelemahan diri, pernah menjadi mangsa buli, pengaruh media baharu dan sebagainya.”

Bahkan pada tahun 2019, isu buli ini juga pernah diutarakan di dalam Majlis Mesyuarat Negara, oleh Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, iaitu mengenai isu sosial (buli) seperti buli fizikal dan emosi yang sering didengar dari pelbagai media massa, yang mana boleh menyumbang sedikit sebanyak menjejaskan pencapaian penuntut dalam jangka masa panjang serta secara tidak langsung menjatuhkan imej sekolah. Jika ianya tidak dibendung akan mendatangkan masalah kepada penuntut itu sendiri, beban kepada ibu bapa, sekolah dan juga masyarakat.

Perbuatan membuli memang tidak dinafikan tetap saja meninggalkan kesan kepada si mangsa yang menghadapinya, sama ada ianya bersifat kekal atau sementara, fizikal mahupun mental. Kesan trauma adalah salah satu kesan buruk dari sudut emosi, sehingga menimbulkan rasa takut dan tidak percaya diri. Begitu juga dengan fizikal, yang melibatkan kecederaan kepada anggota tubuh badan, bahkan ada yang menyebabkan kematian sebagaimana penulisan penulis di awal sebelum ini.

Islam adalah agama satu-satunya yang benar-benar menjaga dan memelihara kemuliaan insan (*karamah insaniah*) dan agama Islam mengharamkan segala bentuk perbuatan zalim dan penindasan, yang merupakan perbuatan keji dan termasuk dalam dosa-dosa besar, lebih-lebih lagi jika yang dianiaya itu saudara Islam sendiri.

Kita dapati larangan dan balasan bagi mereka yang melakukan kejahatan dan dosa begitu banyak didapati di dalam al-Qur'an dan hadits. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman dalam surah al-Kahfi, ayat 49:

وَوُضِعَ الْكِتَابُ فَتَرَى الْمُجْرِمِينَ مُشْفِقِينَ
مِمَّا فِيهِ وَيَقُولُونَ يَوَدُّونَا مَالِ هَذَا الْكِتَابِ
لَا يُعَادِرُ صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً إِلَّا أَحْصَاهَا
وَوَجَدُوا مَا عَمِلُوا حَاضِرًا وَلَا يَظْلُمُ رَبُّكَ
أَحَدًا ﴿٤٩﴾

Mafhumnya:

Dan diletakkan kitab (catatan amal perbuatan setiap orang) maka engkau akan melihat orang-orang yang berdosa itu ketakutan terhadap apa yang tercatat di dalamnya dan mereka berkata : “Aduhai celakalah kami. kitab apakah ini? Ia tidak meninggalkan yang kecil dan tidak (juga) yang besar melainkan semua dihitungnya.” Dan mereka mendapati apa yang mereka

telah kerjakan itu sedia (tercatat di dalamnya). Dan Tuhanmu tidak menzalimi seorang jua pun.

Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu ‘anhu*, bahawa Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang muflis dari kalangan umatku adalah sesiapa yang datang pada hari kiamat dengan shalat, puasa, dan zakat. Dia juga datang dalam keadaan pernah mencela orang ini, menuduh orang ini, memakan harta orang ini, menumpahkan darah orang ini, memukul orang ini. Maka diberikan kepada orang-orang tersebut kebaikan-kebaikan dirinya. Sekiranya kebbaikannya sudah habis dalam keadaan perhitungan ke atasnya belum lagi habis, maka

diambil kejahatan-kejahatan mereka itu tadi lalu dicampakkan kepadanya dan kemudiannya dia dicampak ke dalam neraka.”

Allah *Subhanahu wa Ta’ala* mengajar kita untuk menjadi seorang hamba yang taat dan tunduk kepada perintah-Nya, saling hormat-menghormati sesama manusia, berkasih sayang antara satu sama lain, di samping menjaga hak-hak kemuliaan insan. Ingatlah, apabila kita membuli orang lain, boleh jadi kita juga bakal dibuli oleh orang lain dalam hari-hari yang mendatang. Boleh jadi anak-anak kita juga akan menjadi mangsa buli pada hadapan kelak, bak kata pepatah Bahasa Inggeris *“What goes around comes around.”*

Dalam membendung masalah buli, kita tidaklah bergantung sepenuhnya kepada hukuman semata-mata,

kerana hukuman itu kemungkinan sahaja menakutkan tetapi tidaklah akan menyembuhkan hati yang sakit. Penerapan yang lebih holistik dari sudut pendidikan akhlak dan rohani perlulah diberi ambil kira dan perhatian;

- i. Keluarga atau ibu bapa perlu menjadi contoh tauladan yang terbaik dalam mendidik anak-anak dengan kasih sayang dan empati.
- ii. Pihak sekolah perlu mengadakan suasana dan persekitaran yang selamat. Mengadakan program-program kesedaran akhlak dan adab perlu disemai sejak di bangku sekolah lagi.
- iii. Tindakan proaktif di kalangan masyarakat adalah perlu; tidak berdiam diri jika ada berlaku penindasan atau kezaliman buli, bahkan ditegur, dinasihati dan dilaporkan supaya perkara-perkara kezaliman tersebut tidak berleluasa.

Kepada mereka yang suka membuli hendaklah ada rasa insaf dan taubat, ini kerana setiap tindakan dan amalan kita di atas bumi ini akan diperhitungkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, baik dari sekecil-kecil perbuatan hinggalah sebesar-besar perkara, kesemuanya tidak akan terlepas dari catatan dan perhitungan malaikat Raqib dan 'Atid, lebih-lebih lagi dalam perkara

perbuatan menzalimi manusia yang lain tanpa hak. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman dalam surah Yaasin, ayat 65:

الْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكْمَلُنَا أَيْدِيهِمْ
وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٦٥﴾

Ma'fhumnya:

Pada hari itu Kami mengunci mulut mereka, dan tangan mereka memberitahu Kami (kesalahan masing-masing) dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan.

Kita perlu berbalik semula kepada ajaran Islam yang mengajar akan nilai-nilai murni seperti persaudaraan, merendah diri dan belas kasihan. Kes-kes buli yang menjadi isu pada akhir-akhir ini dijadikan sebagai pengajaran dan iktibar untuk kitani semua dalam sama-sama membina masyarakat yang lebih baik.

Akhirnya, marilah kita sama-sama menjauhi perbuatan buli-membuli, dan berganding bahu dalam memainkan peranan masing-masing sebagai ibu bapa, guru-guru, tokoh-tokoh masyarakat dalam membenters gejala buli. Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

Janganlah kalian saling dengki, saling menipu, saling membenci, saling membelakangi, dan janganlah kalian membeli barang yang sudah dibeli oleh saudara kalian, jadilah kalian hamba Allah yang bersaudara, seorang muslim adalah saudara bagi muslim lainnya, janganlah dia menzaliminya, membohonginya, dan merendahkannya. Taqwa itu di sini (Beliau menunjuk ke dadanya tiga kali), cukuplah seorang telah disebut berbuat buruk dengan dia merendahkan saudaranya, setiap muslim atas muslim lainnya adalah haram darahnya, hartanya, dan kehormatannya. 

Katakan Tidak kepada Pembuli

Tiada Hijab Doa Orang Yang Dizalimi

Ismail-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan
daripada Ibnu 'Abbas Radhiallahu 'anhuma,
Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

إِتَّقِ دَعْوَةَ الْمَظْلُومِ، فَإِنَّهَا لَيْسَ بَيْنَهَا
وَبَيْنَ اللَّهِ حِجَابٌ

Maksudnya:

Takutlah terhadap doa orang yang dizalimi,
sesungguhnya tiada penghalang antara doa
itu dengan Allah Subhanahu wa Ta'ala.

SOSON JAN BINTI AYUN KHAN

Pemenang Ketiga Kategori Cerpen bagi
Peraduan Penulisan Seni Kreatif dan Non
Kreatif Berunsur Islam Sempena Sambutan
Maulid Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam*
1446H/2024M

Cerpen



Al-Hadi

Sudah lebih enam bulan kebelakangan cuaca di Kampung Terumbu Laut sangat tidak menentu. Kadang hujan ribut, berpetir hingga ke subuh hingga menyebabkan banjir di sana sini. Kadang pula cuaca panas terik berminggu-minggu. Keadaan seperti itu, belum pernah terjadi sebelumnya. Kalau hujan lebatpun hanya beberapa hari sahaja. Kalau panas terik pun tidak sampai mengeringkan tumbuh-tumbuhan sekeliling, apalagi sehingga menyebabkan kebakaran hutan belukar. Tapi keadaan cuaca pada tahun itu memang betul-betul dirasakan lain daripada yang lain. Masyarakat kampung mula membuat berbagai andaian masing-masing. Ada yang menyatakan bahawa kesemua keanehan

Betul cakap Haji Leman tu Daud. Kita ni orang Islam. Tidak baik menuduh macam tu. Nanti jadi fitnah pula!" Tambah Tuan Sheikh sebelum menghirup kopi panasnya dengan penuh ni'mat.

yang berlaku itu adalah suatu petanda bahawa berlakunya perbuatan maksiat di kampung itu. Ada pula yang membuat andaian bahawa keanehan cuaca itu adalah petanda bahawa dunia sudah semakin tenat. Bahkan ada juga yang membuat rumusan, bahawa kejadian itu adalah fenomena biasa, yang kalau dikaji dari sudut sains, ianya adalah perubahan iklim semulajadi yang boleh terjadi di mana-mana.

Namun, Haji Sheikh Akbar, yang berusia lebih 80 tahun itu tetap percaya bahawa segala kejadian itu adalah atas kehendak Allah. Mungkin ada hikmah di sebaliknya. Atau mungkin juga ada pengajaran atau peringatan di sebalik semua kejadian yang berlaku. Cuma apa yang menjadi misteri fikirannya semenjak enam bulan lalu adalah desas-desus mengenai Haslam dan Helen yang baharu balik dari Amerika. Sebenarnya, Haji Sheikh sendiri

tidaklah hirau sangatpun akan desas-desus yang belum tentu kepastiannya itu lagi. Cuma semenjak masyarakat Kampung Terumbu semakin ligat membicarakan perkara itu, akhirnya dirinya terikut-ikut juga.

"Kita tidak boleh menuduh sembarangan Kamal, Jamal, Daud." Pesan Tuan Sheikh ketika mereka semua minum di warung kopi sebelah Masjid Al-Hidayah.

"Benar tu Tuan Sheikh, tapi kalau dilihat daripada cara kehidupan mereka memang ada ciri-ciri yang sudah tercicir daripada landasan sebenar!" Daud bersuara penuh semangat.

Tuan Sheikh terkejut. Tiba-tiba fikirannya merasa sangat terganggu. Tangan kanannya segera melurut-lurut janggut putihnya yang agak panjang. Seluruh rambut di atas kepalanya juga

sudah memutih. Tiba-tiba bibir Tuan Sheikh kelihatan seperti terkutup naik sedikit ke atas. Wajahnya kelihatan sangat sarat memikirkan sesuatu. Kalau saja perkara itu benar, alangkah besar dosa yang mesti mereka tanggung bersama.

Haji Leman yang baru keluar daripada ruang dapur warung bersama talam kopi menggeleng-gelengkan kepala. Talam kopi diletakkan di atas meja. Tuan Sheikh, Daud, Jamal dan Kamal, masing-masing segera mencapai cawan berisi kopi hangat. Semua wajah kelihatan begitu teruja dengan aroma bau kopi yang cukup segar.

*Kita
tidak boleh
menyebarkan
perkara yang
belum pasti.
Fitnah boleh
memburukkan
lagi keadaan.*

“Hish kamu ni Daud. Tidak baik menuduh sembarangan. Berdosa tu!” Haji Leman mencelah sebentar sebelum masuk kembali ke ruang dapur untuk menyediakan mee

goreng dan nasi goreng.

Daud sekadar tersengih.

“Betul cakap Haji Leman tu Daud. Kita ni orang Islam. Tidak baik menuduh macam tu. Nanti jadi fitnah pula!” Tambah Tuan Sheikh sebelum menghirup kopi panasnya dengan penuh ni‘mat.

“Aku bukanlah mau menuduh apa-apa pun. Cuma semua orang kampung sudah bercakap pasal mereka.” Tambah Daud.

Jamal dan Kamal mengangguk setuju.

“Orang kampung cakap apa?” Tanya tuan Sheikh penuh debaran.

Tiba-tiba Daud terdiam. Jamal dan Kamal berpandangan sesama sendiri. Aroma mee goreng semerbak dibawa angin ke ruang meja mereka. Jamal tertoleh-toleh ke pintu dapur Haji Leman. Perutnya sudah merasa sangat lapar.

“Macamni semua, aku sebenarnya ada juga mendengar sedikit mengenai perkara itu. Cuma kita perlu merujuk perkara ini kepada ketua kampung dan kita tidak boleh menyebarkan perkara yang belum pasti. Fitnah boleh memburukkan lagi keadaan.” Jelas tuan Sheikh.

“Tapi sampai bila?” Desak Jamal tiba-tiba.

“Iya! Sampai bila? Tuan Sheikh tidak lihatlah, cuaca buruk yang melanda kampung kita ni semenjak mereka ada di sini?” Tambah Daud lagi.

“Astaghfirullahalaziim Daud! Bawa mengucap banyak-banyak Daud. Segala

kejadian adalah atas kehendak Allah.” Tuan Sheikh cuba memberi nasihat.

“Iya, tapi itu adalah akibat daripada kelakuan mereka!” Jamal mencelah penuh semangat.

“*Astaghfirullah* Jamal. Kita semua belum pasti lagi apa sebenarnya semua yang berlaku. Kau ada tanya mereka? Kau ada lihat semua dokumen-dokumen yang mereka bawa?”

Jamal terdiam sambil memikirkan sesuatu. Tuan Sheikh membetulkan kopiah putih di atas kepalanya sambil menyambut pinggan mee goreng yang baru sampai. Tidak lama selepas itu Haji Leman keluar lagi bersama pinggan-pinggan makanan. Masing-masing mula menyuap makanan ke dalam mulut. Malam itu mereka terus makan sambil berbual-bual hingga hampir jam sepuluh malam. Tuan Sheikh masih terus menasihati mereka agar bersabar sehingga perkara yang dirisaukan itu dapat dipastikan kebenarannya.

Siang itu tiba-tiba hujan lebat lagi. Longkang-longkang besar di sekeliling rumah papan Haji Lokman dan Hajah Kalsum mula dipenuhi air lagi.

Kerisauan mula menerpa perasaan Haji Lokman lagi. Beberapa minggu lepas, ketika hujan tidak berhenti selama seminggu, keadaan sekeliling menjadi banjir. Kebun belakang rumah mereka pun sudah rosak binasa. Padahal longkang-longkang sekeliling sudah pun dibesarkan. Haslam dan Helen baharu tiba dari percutian di Thailand hanya berdiam diri dengan keadaan itu. Kalau hujan masih juga berterusan sehingga menyebabkan banjir sekeliling, Helen sudah merencana akan menginap di hotel saja. Haslam hanya menurut.

Sebenarnya Hajah Kalsum tidak ingin menuduh yang bukan-bukan. Ibu kepada Haslam yang sudah berusia lebih 66 tahun itu sudah lama memperhatikan tingkah laku Helen dan Haslam.

Dulu semasa berada di luar negara, Haslam pernah meminta izin untuk menikah dengan Helen melalui talian telefon. Memang waktu itu terlalu berat rasanya untuk Hajah Kalsum dan Haji Lokman membenarkan Haslam bernikah di luar negara. Lagipun mereka sendiri belum pernah mengenali diri Helen, wanita Eropah itu lagi. Namun kerana memikirkan soal akidah dan takut sampai sesuatu yang tidak elok terjadi antara Haslam dan Helen,

Betul cakap bapa kau tu Haslam. Malu kita dengan orang-orang kampung dengan cara berpakaian isteri kau tu. Alah, kau ajar-ajarlah dia, pakai tudung, pakai baju yang menutup aurat. Tambah Hajah Kalsum dengan kelembutan.

akhirnya mereka merestui pernikahan mereka.

Cuma setelah berada lama di kampung itu, semakin hari Hajah Kalsum sendiri merasa ada sesuatu yang sedang Haslam dan Helen sembunyikan dari pengetahuan mereka. Hajah Kalsum cuba bersabar. Cuma, Haji Lokman yang sesekali ada menegur juga dengan cara berpakaian Helen yang sangat tidak sesuai dengan ajaran Islam. Haslam pula sering menyebelahi isterinya.

“Bapa ni bukannya apa Haslam. Cuma kita ni orang Islam. Aurat perempuan tu wajib ditutup dari kepala sampai ke kaki. Haram tu mendedahkan aurat kepada lelaki lain. Lagi satu, aku tengok isteri kau tu seperti tidak pernah menunaikan shalat. Kau tidak ajar dia shalat kah?” Haji Lokman menegur dengan penuh hemah.

“Betul cakap bapa kau tu Haslam. Malu kita dengan orang-orang kampung dengan cara berpakaian isteri kau tu. Alah, kau ajar-ajarliah dia, pakai tudung, pakai baju yang menutup aurat.” Tambah Hajah Kalsum dengan kelembutan.

“Alah, dia memang biasa berpakaian macam tu. Sudah budaya dia. Mana

aku dapat ubah suka-suka hati.” Jawab Haslam sambil sesekali menoleh ke luar jendela yang masih hujan.

“Kau itu suami dia. Kau wajib mendidik dia. Kita ni orang Islam, ada peraturan ada tatacara dalam menjalani kehidupan. Berdosa kita kalau membiarkan perkara ni berterusan.” Hajah Kalsum bersuara lagi.

“Yalah, cuma kan, ibu pun kena faham, dia kan baru lagi di sini. Manalah dia tahu apa yang harus dibuat lagi. Nanti lama-lama dia pandailah berubah tu.” Pujuk Haslam kepada ibunya.

*Macam ni
Haslam.
Sebenarnya bapa
pun tidak mau
dengar cakap-
cakap orang. Cuma,
yalahkan, kau tu
anak kami. Buruk
baik kau ni, kami
sebagai ibubapa
harus ambil tau
juga.*

“Aku lihat hubungan kamu ni nampak lain macam saja. Isteri kau tu, sama sekali aku tidak pernah tengok dia shalat. Kuku dia panjang, berwarna pula. Kau pernah ajar dia apa-apa pasal Islam? Dia pandai shalat ke tidak? Kau kena ingat Haslam, kita ni

orang Islam. Kita beriman pada Allah. Esuk lusa jika kita menghadap Illahi, apa yang akan kita jawab nanti? Kita kena pelihara aqidah dan keimanan kita sekuat-kuatnya. Jangan kita pula yang terikut-ikut dan terpengaruh dengan kehidupan mereka. Jika sampai terjadi begitu, tercemar maruah agama dan bangsa kita. Kau faham tu?” Tambah Haji Lokman separuh berbisik.

Haslam terdiam sebentar. Sebenarnya memang sudah terlalu lama dia telah merahsiakan perkara itu. Sekarang, apa yang pernah dia risaukan selama ini, benar-benar telah terjadi. Bapa dan ibunya sudah mulai mempersoalkan tentang pakaian dan cara hidup Helen. Tapi Helen sendiripun memang sangat degil. Padahal sebelum balik ke sana, awal-awal lagi Haslam sudah berpesan agar jangan memakai pakaian cara kebaratan. Selain itu, Haslam juga telah berpesan berulang kali kepada Helen agar merahsiakan status hubungan mereka. Lagipun mereka berdua harus kembali ke Dallas, Amerika. Mereka mahu membuat perniagaan di sana. Kehidupan di barat bukannya sama seperti di tempat Haslam. Di barat, mereka bebas melakukan apa saja. Mereka boleh bergaul bebas dengan sesiapa saja walaupun tanpa sijil nikah yang sah. Di sebelah barat juga mereka sampai boleh memiliki anak-anak walaupun belum pernah berkahwin. Namun semua perkara itu sama sekali tidak mungkin akan dapat diterima di kampung Haslam. Haslam faham bahkan sangat mengerti akan wujudnya perbezaan itu. Cuma, Haslam sendiri sudah terlalu lama berada di Amerika. Haslam berjuang mencari

kehidupan di sana. Di Amerika, Haslam terpaksa berhadapan dengan berbagai-bagai cabaran dan dugaan. Dalam masa yang sama sebagai manusia biasa, Haslam juga memerlukan makan, minum, tempat tinggal dan pasangan hidup. Haslam manusia biasa. Haslam bukan malaikat. Haslam pun sedar, bahawa sebagai manusia biasa, dia tidak pernah terlepas begitu saja daripada sebarang noda dan dosa. Haslam sedar, dia manusia lemah dan sering terperdaya dalam memperjuangkan kehidupannya.

*Hajah Kalsum
menoleh tepat
ke wajah Haslam
dan menunggu
jika
ada apa-apa yang
akan terkeluar
dari
bibir anaknya.
Namun Haslam
sebaliknya bangun
dan
terus masuk ke
dalam
kamar tidur.*

“Macam ni Haslam. Sebenarnya bapa pun tidak mau dengar cakap-cakap orang. Cuma, yalahkan, kau tu anak kami. Buruk baik kau ni, kami sebagai ibubapa harus ambil tau juga.”

Haslam terkejut. Perasaannya berdebar-debar. Haslam seolah sudah dapat menduga bahawa bapanya pasti akan bertanya tentang perkara yang masih dia rahsiakan itu. Helen yang masih belum fasih berbahasa Melayu hanya diam sambil menonton televisyen drama Inggeris. Sesekali Helen hanya bangun menuju ke dapur mengambil makanan dan di peti sejuk dan kembali duduk semula di depan televisyen.

“Bapa cuma mau tahu sama ada kamu berdua ni sudah bernikah atau belum?” Haji Lokman terus menghamburkan pertanyaannya.

Tiba-tiba Haslam merasa sangat lemah. Seluruh tubuhnya, tiba-tiba sahaja terasa bagaikan sehelai daun yang buruk, renyuk di atas tanah yang basah. Haslam masih terdiam sambil berfikir-fikir sesuatu. Setelah hanya berdiam diri selama beberapa minit, Haslam mula menegakkan wajahnya yang tertunduk tadi. Kemudian perlahan-lahan Haslam mula menatap wajah ibunya, dan kemudian beralih ke wajah bapanya. Kemudian Haslam berfikir lagi sedalam-dalamnya. Seboleh-bolehnya Haslam tidak ingin melakukan perasaan kedua

orang tuanya. Bahkan lebih daripada itu, Haslam tidak mahu menconteng arang ke wajah mereka. Kalau jawapan hanya boleh menimbulkan lebih banyak masalah, bukankah lebih baik dia berdiam diri saja? Selagi Haslam masih berdiam diri daripada menjawab persoalan itu, maka selagi itulah, semua keadaan akan tetap sejahtera walaupun sebenarnya masih ada keraguan di sebaliknya. Dalam diam, Haslam memutuskan untuk tidak memberikan apa-apa jawaban.

“Kau tau Haslam, ada firman Allah yang menyebut “Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan) Surah al-Israa’ ayat 32.

Haslam manusia biasa. Haslam bukan malaikat. Haslam pun sedar, bahawa sebagai manusia biasa, dia tidak pernah terlepas begitu saja daripada sebarang noda dan dosa.

Haslam masih tertunduk diam. Bukannya Haslam tidak tahu pasal itu semua. Dulu semasa kecil pun Haslam ada belajar agama, ada belajar tauhid, fiqah, hadits dan macam-macam. Cuma seiring dengan perjalanan waktu dan perubahan zaman, Haslam sendiri mengakui, bahawa banyak perkara tentang aqidah, tauhid, rukun iman, rukun Islam yang sudah tidak dipraktikkannya lagi. Haslam cuma berpuasa pada bulan Ramadhan dan ada juga sesekali ikut bertarawih semasa di Amerika. Cuma, kalau shalat, memang jarang Haslam lakukan. Haslam sebenarnya masih ingat semua bacaan dan tatacara melakukan shalat, cuma entah mengapa, selama berada di Amerika, Haslam tidak merasa bahawa shalat itu perlu sangat.

“Dari tadi kau belum menjawab soalan aku Haslam.” Haji Lokman mengulangi pertanyaannya.

Hajah Kalsum menoleh tepat ke wajah Haslam dan menunggu jika ada apa-apa yang akan terkeluar dari bibir anaknya. Namun Haslam sebaliknya bangun dan terus masuk ke dalam kamar tidur. Ketika melihat Haslam masuk ke kamar tidur, Helen segera menyusul. Haji Lokman dan Hajah Kalsum berpandangan

sesama mereka dengan sebuah tanda tanya.

Sudah lebih tiga minggu cuaca tiba-tiba saja menjadi panas terik. Masyarakat kampung semakin risau. Tanam-tanaman semua mati kekeringan. Binatang-binatang seperti ayam, itik dan kambing pun semakin banyak yang mati akibat jangkitan penyakit yang tidak diketahui puncanya. Sungai panjang belakang kampung yang dulu tempat menjala ikan, benar-benar sudah kering-kontang. Iklim semakin panas, walaupun pada sebelah malam. Setiap rumah memasang lebih banyak alat pendingin udara.

“Kita tidak ada jalan lain. Mereka mesti diusir keluar dari sini. Mereka berdua adalah punca segala malapetaka ini.” Kata Jamal semasa di rumah Tuan Sheikh pada hari itu.

Suasana di rumah Tuan Sheikh tiba-tiba sahaja semakin ramai pada awal pagi itu.

“Ketua kampung yang harus mengambil tindakan. Bukan kita.” Haji Akil pula menambah.

“Kita sudah jumpa ketua kampung. Sudah jelaskan semuanya. Tapi ketua

*"Islam bukan
sekadar agama.
Da adalah cara hidup
yang membawa kedamaian
dan ketenteraman kepada
jiwa." Tambahnya
lagi dengan
tenang.*

kampung tidak dapat berbuat apa-apa kalau tidak ada bukti. Lagipun perkara ini kalau tidak benar, boleh menimbulkan fitnah.” Tuan Sheikh menjelaskan.

“Bukti apa lagi? Semua bukti sudah kita tengok. Semenjak mereka berdua tu balik sini, kampung kita terus ditimpa musibah. Mereka balik bawa malapetaka.” Kunder menambah sambil mengipas-ngipas tubuhnya dengan sehelai kertas tebal.

“Aku risau, makin lama mereka di sini, maka makin banyak musibah akan melanda di kampung kita ini.” Tambah Kunder.

“Tapi kita tidak boleh ambil tindakan tanpa bukti. Lagipun Haslam sendiri sampai sekarang belum bercakap apa-

apa pasal perkara ini.” Haji Akil bersuara lagi.

“Sampai bila mau tunggu dia bersuara? Kalau selamanya dia tidak mau bersuara apa macam?” Tanya Kunder tidak sabar. Wajahnya merah kepanasan.

“Kunder, aku harap kita semua kena bersabar dulu. Kita mesti siasat perkara ini betul-betul. Lagipun, segala perubahan iklim dan cuaca ini adalah urusan Allah. Harusnya kita menjaga keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah.” Tuan Sheikh bersuara lagi.

Dalam keadaan cuaca yang sangat panas terik itu, tiba-tiba terdengar petir dan guruh di langit tinggi. Serentak mereka semua tercengang-cengang bingung. Tiada hujan, tiada angin, tiba-tiba ada petir dan guruh. Tuan Sheikh mengucap panjang.

*Tiada hujan, tiada
angin, tiba-tiba ada
petir dan guruh.*

"Segala-galanya berlaku adalah dengan kehendak Allah. Marilah kita sama-sama berdoa agar keimanan dan ketakwaan kita bertambah teguh." Lanjutnya perlahan.

Semua yang ada waktu itu mengangguk lemah. Tidak lama selepas itu mereka semua bersurai dan meninggalkan rumah Tuan Sheikh.

Di sebuah kafe kecil di tengah bandar, Helen dan Haslam, duduk berhadapan di meja kayu yang sederhana.

Aroma kopi memenuhi udara, namun suasana di antara mereka tegang. Haslam memandang Helen dengan penuh rasa ingin membantu, sedangkan Helen, seorang wanita berpendidikan Barat yang keras kepala, tetap tenang sambil memegang cawan kopinya.

"Helen, aku hanya ingin kau memahami sesuatu yang sangat bermakna dalam hidupku." Kata Haslam dengan nada lembut.

"Islam bukan sekadar agama. Ia adalah cara hidup yang membawa kedamaian dan ketenteraman kepada jiwa." Tambahnya lagi dengan tenang.

Helen memutar cawan kopinya, seolah-olah sedang mempertimbangkan kata-kata Haslam.

"Haslam, aku menghargai keikhlasanmu. Tetapi bagiku, kepercayaan agama hanyalah mitos kuno yang dicipta untuk mengawal manusia. Aku tidak memerlukan Tuhan untuk menentukan hidupku." Jawabnya sambil tersenyum sinis.

Haslam menarik nafas panjang. Dia tahu bahawa perbualan ini tidak akan mudah.

Namun, dia tetap bertekad untuk cuba membawa Helen lebih dekat kepada kebenaran.

"Helen, aku tidak menafikan bahawa ada pihak yang menyalahgunakan agama untuk kepentingan mereka sendiri. Tetapi itu bukan kesalahan Islam. Islam mengangkat martabat wanita, memberikan hak kepada mereka jauh sebelum dunia Barat memperjuangkannya."

"Helen, kau tahu, al-Qur'an adalah mukjizat yang abadi. Ia penuh dengan pengetahuan yang melampaui zamannya. Sebagai contoh, fakta tentang embrio manusia yang diterangkan dalam al-Qur'an telah dibuktikan oleh sains moden. Bagaimana mungkin seorang manusia biasa pada abad ke-7 mengetahui semua ini tanpa bantuan Tuhan?" Haslam bertanya, cuba menanamkan sedikit keraguan dalam keyakinan Helen.

"Haslam, sains moden telah menemui perkara-perkara itu melalui kajian dan eksperimen. Jika seorang manusia dapat menggambarkan sesuatu yang kelihatan seperti embrio, itu mungkin berdasarkan pemerhatian kasar pada masa itu. Lagipun, banyak tamadun

purba juga memiliki kepercayaan tentang alam yang mendahului zamannya." Sekali lagi Helen tersenyum sinis.

"Tapi ini bukan hanya tentang sains, Helen. Islam juga mengajarkan keadilan sosial, kasih sayang, dan pengampunan. Ia memberikan panduan moral yang tiada tandingannya." Haslam menggenggam cawan kopinya dengan lebih erat.

Helen menggeleng perlahan. Helen tahu, bahawa Haslam sama sekali tidak akan dapat menerima perubahan cara hidup terkini. Bagi Helen, Haslam sudah terkurung di takuk lama.

"Haslam, aku tidak memerlukan agama untuk menjadi manusia yang baik. Moraliti boleh wujud tanpa agama. Malah, di Barat, kita percaya pada kebebasan individu. Kita tidak memerlukan kitab suci untuk menentukan apa yang betul atau salah. Itu adalah sesuatu yang kita sendiri tentukan berdasarkan pengalaman dan rasionaliti."

"Namun, moraliti tanpa asas yang kukuh seperti rumah tanpa tapak. Ia rapuh dan boleh runtuh bila-bila masa. Islam memberikan asas yang jelas untuk

semua aspek kehidupan, termasuk moraliti." Tegas Haslam.

"Dan asas itu sering digunakan untuk mengawal wanita, menindas kebebasan berfikir, dan memaksa orang untuk mematuhi hukum yang lapuk. Lihatlah apa yang terjadi di negara-negara yang mengamalkan hukum Islam secara ketat. Di mana kebebasan? Di mana hak individu?" Bidas Helen berdasarkan ilmu pengetahuannya.

Haslam merasa terpukul oleh kenyataan Helen, tetapi dia tidak mahu menyerah.

"Helen, aku tidak menafikan bahawa ada pihak yang menyalahgunakan agama untuk kepentingan mereka sendiri. Tetapi itu bukan kesalahan Islam. Islam mengangkat martabat wanita, memberikan hak kepada mereka jauh sebelum dunia Barat memperjuangkannya."

Helen tertawa kecil. Segala pendapat Haslam dirasakan terlalu lucu untuk dirinya.

"Haslam, jika Islam benar-benar memberikan hak kepada wanita, mengapa begitu banyak wanita Muslim merasa tertindas? Mengapa kebebasan mereka dibatasi?"

*Aku tidak pasti dia sudah peluk Islam atau belum. Aku risau kalau mereka belum bernikah ikut syarak. Akibatnya kita pun ikut berdosa nanti!"
Jawab Haji Lokman sambil menghela nafas panjang. Perasaannya betul-betul gelisah.*

Haslam memandang Helen dengan mata penuh kesedihan.

“Helen, itu bukan kerana Islam. Itu kerana budaya patriarki yang mencampuri ajaran agama. Jika kau benar-benar memahami al-Qur’an dan sunnah, kau akan melihat bahawa wanita memiliki hak yang sama dalam banyak aspek.”

“Haslam, aku menghormati keyakinanmu, tetapi aku tidak boleh menerima sesuatu yang tidak masuk akal bagiku. Aku lebih percaya pada ilmu pengetahuan, rasionaliti, dan kemajuan manusia tanpa campur tangan agama.” Begitu tegas kata-kata Helen.

Haslam merasa hatinya berat. Dia tahu Helen adalah wanita yang baik, tetapi hatinya tertutup oleh tembok ideologi yang telah dibangun selama bertahun-tahun. Namun, buat masa ini dia tidak ingin terus menerus memaksa Helen. Bagi Haslam, Helen harus diberi masa yang cukup dan penjelasan yang lebih meluas dan benar-benar dapat membuktikan kebenaran agama islam. “Helen, aku hanya berharap suatu hari nanti kau akan membuka hatimu. Aku percaya kau seorang yang pintar dan berakal. Aku akan sentiasa

mendoakanmu.” Kata Haslam dengan nada perlahan seolah hampir berputus asa.

“Dan aku berharap kau juga memahami bahawa kebebasan berfikir adalah sesuatu yang aku pegang erat. Aku tidak akan tunduk pada sesuatu hanya kerana ia dikatakan sebagai ‘kebenaran mutlak’.” Helen tersenyum nipis.

Dari cara Helen bercakap, dia nampak seperti orang yang masih berpegang pada kepercayaan asalnya. Kalau benar mereka belum nikah, kita tidak boleh biarkan perkara ni berterusan. Ini soal maruah keluarga dan agama.”

Haslam mengangguk perlahan. Dia tahu bahawa perbincangan ini tidak akan menghasilkan perubahan segera. Namun, dia berpegang pada keyakinannya bahawa hidayah adalah milik Allah, dan hanya Dia yang dapat membuka hati seseorang.

Petang itu sekali lagi Haji Lokman duduk di ruang tamu dengan kopiah putihnya, memandang isterinya, Hajah Kalsum, yang sibuk melipat kain. Wajahnya berkerut, seperti sedang memikirkan sesuatu yang meresahkan hatinya.

“Kalsum, aku tidak sedap hati memikirkan Haslam tu. Aku dapat rasa ada sesuatu yang tidak kena pasal dia dan Helen.” Ujar Haji Lokman memecahkan keheningan petang itu. Hajah Kalsum berhenti melipat kain dan menoleh ke arah suaminya.

“Maksud abang pasal yang itu jugak?”
“Ya. Aku tidak pasti dia sudah peluk Islam atau belum. Aku risau kalau mereka belum bernikah ikut syarak. Akibatnya kita pun ikut berdosa nanti.”
Jawab Haji Lokman sambil menghela nafas panjang. Perasaannya betul-betul gelisah.

“Abang, aku pun sebenarnya ada rasa begitu. Dari cara Helen bercakap, dia nampak seperti orang yang masih berpegang pada kepercayaan asalnya. Kalau benar mereka belum nikah, kita tidak boleh biarkan perkara ni berterusan. Ini soal maruah keluarga dan agama.” Hajah Kalsum mengeluh. Dahinya berkerut-kerut.

Haji Lokman mengangguk setuju. Namun, di dalam hatinya masih ada pergolakan. Dia tidak mahu memutuskan hubungan dengan Haslam, anak sulung mereka yang sentiasa menjadi kebanggaannya.

Hajah Kalsum merenung suaminya.

“Kalau begitu, kita panggil Haslam dan Helen datang ke sini. Kita ajak mereka berbincang secara terbuka. Kalau betul Helen belum masuk Islam, kita nasihatkan dia. Dan kalau mereka belum nikah, kita perlu desak mereka untuk selesaikan segera.”

Haji Lokman mengangguk, tetapi wajahnya tetap sugul.

“Aku setuju. Tapi kalau Helen tidak mahu peluk Islam, apa yang kita boleh buat? Haslam nampaknya sangat sayangkan dia. Aku takut dia akan lebih memilih Helen daripada keluarganya.”

Hajah Kalsum termenung sejenak. Tiba-tiba fikirannya menjadi sangat risau.

“Kalau itu terjadi, abang, kita kena ingatkan dia tentang tanggungjawabnya sebagai seorang muslim. Kita tak boleh biarkan dia berpaling daripada agama suci kita hanya kerana Helen. Sebagai ibu bapa, kita bertanggungjawab untuk bimbing dia ke jalan yang betul.”

“Betul, Kalsum. Tapi aku tetap risau. Helen tu nampak degil. Dia mungkin akan cari alasan untuk tidak ikut apa yang kita cadangkan. Dan.. apa yang lebih aku risaukan lagi kalau Haslam boleh terpesong aqidah dan mengikut Helen pula. Zaman sekarang ni, kalau keimanan kurang teguh, macam-macam boleh terjadi.” Kata Haji Lokman dengan nada bimbang.

“Kalau begitu, kita kena cari jalan lain. Kita boleh minta bantuan Ustaz Malik untuk bercakap dengan mereka. Mungkin kalau mereka dengar daripada seorang alim, mereka akan lebih terbuka hati.” Cadang Hajah Kalsum.

Haji Lokman terdiam sejenak, memikirkan cadangan isterinya.

"Itu boleh jadi satu cara. Tapi aku tidak mahu Haslam rasa kita campur tangan terlalu banyak dalam urusan peribadinya."

Hajah Kalsum mendekati suaminya dan meletakkan tangannya di bahu Haji Lokman.

"Abang, ini bukan soal mencampuri urusan mereka. Ini soal tanggungjawab kita sebagai ibu bapa. Kita sayangkan Haslam, dan kita mahu dia hidup dalam keberkatan, jauh dari kesesatan. Kita mencari keredhaan Allah!"

Haji Lokman
mengangguk perlahan.
Seluruh tubuhnya terasa lemah.

"Baiklah, Kalsum. Kita akan panggil mereka datang ke sini dan bincang dengan baik. Kalau perlu, kita panggil Ustaz Malik untuk bantu. Tapi kita kena buat ini dengan penuh hikmah, supaya mereka tidak rasa tertekan."

Beberapa hari kemudian, setelah makan siang bersama, Haji Lokman mula membuka bicara di hadapan Haslam dan Helen.

"Haslam, Helen, kami ada perkara penting mau bincang dengan kamu berdua." Kata Haji Lokman sambil

memandang mereka dengan penuh kasih sayang.

Haslam kelihatan sedikit cemas, manakala Helen memandang Haji Lokman dengan tenang.

"Apa dia, pa?" tanya Haslam.

"Kami ingin tahu, Helen, adakah kamu sudah memeluk agama Islam?" Tanya Hajah Kalsum dengan nada lembut tetapi tegas.

*Kalau begitu,
Helen, kami
ingin tahu, apakah
kamu berdua sudah
bernikah secara sah?
Tanya Haji Lokman,
kali ini dengan nada
yang lebih
serius.*

Helen terdiam sejenak sebelum menjawab. Haslam tersentak. Dada Haslam berdegup kencang. Soalan itu bagaikan sebuah tamparan kuat ke wajahnya. Kalau boleh pada waktu itu juga, Haslam ingin membawa Helen berlari keluar dari tempat itu. Helen menoleh ke wajah Haslam. Haslam semakin cemas dan gusar. Helen terdiam lagi. Terasa sangat berat untuk dirinya menjawab pertanyaan itu.

Namun setelah memikirkan dengan lebih mendalam, akhirnya Helen memilih untuk berterus terang sahaja. Helen sudah merasa letih untuk menyembunyikan terus rahsia itu. Helen ingin segera merasa kebebasan dengan berterus terang.

"Belum, makcik. Aku sebenarnya masih dalam proses memahami agama

ini. Haslam banyak membantu aku mengenal Islam, tapi aku belum buat keputusan.”

Haslam terpuruk bungkam. Rasanya saat itu juga Haslam ingin bersembunyi jauh.

Jawapan itu membuatkan Haji Lokman dan Hajah Kalsum saling berpandangan. Perasaan Haji Lokman semakin cemas. Fikirannya menjadi serba kebingungan.

“Kalau begitu, Helen, kami ingin tahu, apakah kamu berdua sudah bernikah secara sah?” Tanya Haji Lokman, kali ini dengan nada yang lebih serius.

Dengan perasaan yang penuh serba salah, akhirnya terpaksa Haslam menjawab.

“Terus terang sahaja, sebenarnya memang belum Pa. Aku tidak mau mendesak Helen. Aku mahu dia menerima Islam dengan hati yang ikhlas, bukan kerana paksaan. Bukankah

begitu sebagaimana yang dikehendaki dalam Islam?”

“Ya Allah! Apa yang sedang berlaku ini?” Haji Lokman terhenyek dengan wajah penuh kekecewaan. Air peluh mula membasahi wajah dan tubuhnya.

Hajah Kalsum terduduk hilang suara. Tiba-tiba seluruh anggota tubuhnya terasa sangat lemah. Pandangan matanya berpinar-pinar. Waktu itu juga, dia merasakan bahawa seluruh maruahnya telah habis tertumpah habis ke dalam gaung hitam yang menyalakan api panas. Hajah Kalsum menarik nafas dalam-dalam dan terus berusaha mengembalikan kekuatan di dalam dirinya sendiri. Setelah beberapa kali mengucap panjang di dalam hati, dengan nada lemah, Hajah Kalsum mula bersuara lagi.

“Haslam, ini bukan soal paksaan. Ini soal tanggungjawab kamu sebagai seorang muslim. Kamu tidak boleh hidup bersama tanpa ikatan yang sah.



Itu melanggar hukum agama kita. Allah akan melaknat atas perbuatan yang sangat hina begini.”

“Aku faham kebimbangan makcik dan pakcik. Tapi aku mahu buat keputusan ini dengan fikiran yang tenang. Aku tidak mahu tergesa-gesa hanya kerana tekanan.” Helen bersuara.

“Kami faham, Helen. Tapi kamu perlu faham juga, ini soal yang sangat serius. Jika kamu benar-benar sayangkan Haslam, kamu perlu fikirkan masa depannya. Sebagai seorang muslim, dia bertanggungjawab untuk hidup dalam keredhaan Allah.”

Haslam memegang tangan Helen dengan lembut.

“Ibu, bapa, beri kami sedikit masa. Aku janji kami akan selesaikan ini secepat mungkin.”

Haji Lokman dan Hajah Kalsum saling berpandangan lagi. Walaupun mereka masih ragu, mereka memutuskan untuk memberi peluang kepada pasangan itu. Namun, dalam hati mereka, doa tidak pernah putus agar Helen terbuka menerima Islam dan hubungan itu segera mendapat keredhaan dan keberkatan dari Allah.

Malam itu, selepas Haslam dan Helen keluar berjalan, Haji Lokman dan Hajah Kalsum kembali berbincang di bilik tidur mereka.

“Kalsum, aku harap keputusan kita untuk beri mereka masa ini adalah yang terbaik.” Kata Haji Lokman.

“Abang, kita sudah buat apa yang kita mampu. Selebihnya, kita serahkan kepada Allah. Doa kita adalah senjata yang paling kuat.” Balas Hajah Kalsum sambil memandang suaminya dengan penuh harapan.

Dan malam itu, di bawah sinar bulan yang redup, mereka berdua bersujud, memohon kepada Allah agar memberikan petunjuk dan hidayah kepada Helen dan Haslam, supaya segala yang rumit ini berakhir dengan kebaikan.

Haji Lokman yakin bahawa jika mereka benar-benar sujud dan berdoa kepada Allah segala masalah akan dapat diselesaikan dengan baik tanpa sebarang kekerasan. Bukankah begitu sebenarnya yang dikehendaki dalam Islam? Bahawa dalam menyebarkan da’wah Islam, harus dengan cara yang betul, yakni mulia dan penuh berhemah. Haji Lokman masih ingat lagi akan segala pelajaran agama yang pernah dipelajarinya dulu sewaktu kecil. Bahawa sebagai seorang muslim,

Dia memiliki pekerjaan yang baik, memiliki Haslam yang menyayanginya, dan teman-teman yang selalu ada. Namun, ada sesuatu yang hilang, sesuatu yang tidak mampu definisikan. Helen merasa bingung.

kemuliaan tingkah laku dan peribadi mencerminkan kesucian agama yang dianuti.

Semenjak berpindah di kota yang agak jauh dari kampung halaman Haslam, Helen mula merasa ada sesuatu yang hilang dalam kehidupannya. Haslam masih berada di kampung halamannya. Mereka memutuskan untuk berpisah buat sementara. Helen termenung sendirian di dalam kamar tidurnya. Malam itu sunyi, hanya diselangi bunyi deruan angin yang sesekali meniup dedaunan di luar tingkap. Sejak kebelakangan ini, hidupnya terasa kosong, meskipun dari luar dia kelihatan bahagia. Dia memiliki pekerjaan yang baik, memiliki Haslam yang menyayangnya, dan teman-teman yang selalu ada. Namun, ada sesuatu yang hilang, sesuatu yang tidak mampu didefinisikan. Helen merasa bingung.

Haslam, sering berbicara tentang Islam kepadanya. Haslam menceritakan betapa agama itu memberinya ketenangan dan tujuan hidup. Helen menghormati keyakinan Haslam, tetapi dia tidak pernah merasa agama itu relevan dengan hidupnya. Baginya, agama hanyalah jawapan bagi mereka yang takut menghadapi ketidakpastian hidup.

“Helen, kenapa kau tidak pernah tertanya-tanya, dari mana semua ini berasal? Langit, bumi, bahkan dirimu

sendiri? Bukankah segalanya terlalu sempurna untuk hanya terjadi secara kebetulan?”

Helen hanya tersenyum tipis waktu itu. “Haslam, aku percaya pada sains. Alam semesta ini adalah hasil evolusi dan proses yang panjang. Kita tidak memerlukan Tuhan untuk menjelaskan semua itu.”

Haslam tidak mendesaknya lebih jauh. Dia tahu Helen keras kepala, tetapi dia terus berdoa agar suatu hari Helen akan terbuka untuk mencari kebenaran.

Malam itu, sekali lagi Helen tidak dapat tidur. Dia memandang ke langit melalui tingkap biliknya. Bintang-bintang bersinar terang, seolah-olah sedang berbicara kepadanya. Tiba-tiba, fikirannya melayang kepada perbualannya dengan Haslam.

“Bagaimana jika ada sesuatu yang lebih besar daripada apa yang aku fahami? Bagaimana jika Haslam benar?”

Namun, segera dia menggelengkan kepalanya, menolak fikiran itu.

“Tidak, aku tidak boleh percaya pada sesuatu yang tidak dapat aku lihat atau buktikan.” Katanya kepada dirinya sendiri.

Keesokan harinya, Helen pergi ke sebuah taman untuk menenangkan diri.

Dia berjalan-jalan di antara pokok-pokok yang rendah, menikmati udara segar. Tetapi pikirannya masih bercelaru dan jiwanya sentiasa merasa kosong. Ketika dia duduk di bangku taman, dia melihat seorang wanita tua yang duduk tidak jauh darinya. Wanita itu memegang tasbih di tangannya, bibirnya bergerak-gerak, mungkin sedang berdoa. Helen memandangnya dengan rasa ingin tahu.

Wanita itu tiba-tiba menoleh dan tersenyum kepadanya.

“Wanita cantik, kenapa nampak seperti ada yang mengganggu fikiranmu?” Tanyanya dengan lembut.

Helen terkejut tetapi merasa segan untuk meluahkan isi hatinya. Setelah agak lama berdiam diri, baharulah Helen bersuara lagi.

“Aku hanya... merasa kekosongan dalam hidup. Aku tidak tahu apa yang hilang dalam hidup ini. Hairan!”

Wanita itu mengangguk perlahan seolah sangat memahaminya.

“Kadang-kadang, kekosongan itu adalah cara Tuhan memanggil kita untuk mencari-Nya. Kau percaya pada Tuhan?”

Helen terdiam.

“Aku... tidak tahu. Aku rasa aku belum pernah benar-benar percaya.”
Wanita itu tersenyum lagi.

“Tuhan itu ada, walaupun kau tidak percaya kepada-Nya. Dia sentiasa ada, menunggu kau untuk mencari-Nya. Jangan abaikan panggilan itu.”

Wanita itu kemudian bangun dan pergi, meninggalkan Helen dengan fikirannya sendiri.

Dia memiliki pekerjaan yang baik, memiliki Haslam yang menyayangnya, dan teman-teman yang selalu ada. Namun, ada sesuatu yang hilang, sesuatu yang tidak mampu definisikan. Helen merasa bingung.

Namun kata-kata wanita itu tadi melekat di hati Helen. Perasaan Helen menjadi aneh. Wajah wanita tua yang redup bercahaya itu terus terbayang-bayang di ruang matanya sampai berminggu-minggu.

Kadang-kadang Helen merasa sangat merindui untuk berjumpa lagi dengan wanita tua itu. Ada beberapa kali, Helen berjalan mencari wanita tua itu di taman yang sama. Namun wanita itu seolah sudah tidak pernah muncul lagi di tempat itu. Tiba-tiba Helen merasa sangat hampa dan kecewa.

Beberapa minggu berlalu, dan Helen kembali ke kehidupannya yang biasa. Namun, ada seberkas sinar yang mulai muncul di kalbunya. Sejak itu, dia

mula membaca tentang Islam, bukan kerana desakan Haslam, tetapi kerana rasa ingin tahu yang tiba-tiba muncul. Dia membaca tentang keesaan Tuhan, tentang Nabi Muhammad, dan tentang kehidupan selepas mati. Namun, semakin dia membaca, semakin dia merasa bingung. Dia ingin percaya, tetapi hatinya masih ragu.

Suatu malam, ketika Helen pulang daripada membeli belah, hujan turun dengan lebat. Jalanraya sangat licin dan suasana gelap. Dalam perjalanan, sebuah kereta meluncur dengan laju dan hampir melanggar dirinya di persimpangan. Helen terjatuh, tubuhnya basah kuyup, tetapi dia selamat.

Ketika dia duduk di tepi jalan, jantungnya berdegup kencang. Dia memikirkan betapa dekatnya dia dengan maut. Dalam detik itu, dia merasakan sesuatu yang aneh, bahawa wujudnya satu kuasa besar yang telah melindunginya daripada maut tadi.

“Tuhan... adakah Kau benar-benar ada?” Bisiknya dalam hati.

Malam itu, di biliknya, Helen menangis. Tangisan yang bukan hanya kerana kejadian tadi, tetapi juga kerana kekosongan yang selama ini

menyeksa. Untuk pertama kalinya, dia bersujud di lantai, seperti yang pernah dia lihat Haslam lakukan.

“Jika Kau benar-benar ada, tunjukkan aku jalan-Mu. Aku mohon dengan seikhlas jiwa ragaku!” Pintanya dengan suara yang bergetaran pilu.

Sejak malam itu, ada sesuatu yang berubah dalam diri Helen. Dia mula mencari lebih banyak jawapan melalui cara membaca al-Qur’an dan mendengar ceramah tentang Islam. Setelah mengkaji dengan lebih mendalam, akhirnya Helen mendapati bahawa semua persoalannya selama ini dijawab dengan sempurna oleh ajaran Islam. Beberapa minggu kemudian, dia segera berbicara dengan Haslam.

“Haslam,aku rasa aku sudah bersedia. Aku ingin mengenal Allah dengan lebih dekat. Aku ingin memeluk Islam.”

Haslam terkejut bukan alang kepalang. “Alhamdulillah! Helen, ini adalah berita terbaik yang pernah aku dengar. Tapi ingat, perjalanan ini adalah antara kau dan Allah. Aku hanya seorang pemandu.”

Hari itu, di hadapan ibubapa Haslam dan orang Kampung Terumbu, Helen mengucapkan syahadah dengan hati

*Hari itu,
dihadapan ibubapa
Haslam dan
orang Kampung
Terumbu Helen
mengucapkan
syahadah dengan
hati yang penuh
kesedaran.*

yang penuh kesedaran. Air matanya mengalir deras, tetapi kali ini bukan kerana kesedihan. Dia merasa beban yang selama ini menghimpitnya lenyap begitu sahaja. Kekosongan yang pernah dia rasakan kini telah terisi. Dia akhirnya memahami bahawa hidup ini lebih daripada sekadar pencapaian duniawi. Dia kini yakin bahawa hanya ketakwaan yang menjamin kebahagiaan insan dunia dan akhirat.

Tamat

HAJI RUDY @ HAJI MOHAMAD RUDY BIN HAJI SAMSUDIN
Pemenang Kedua Kategori Sajak bagi Peraduan Penulisan
Seni Kreatif dan Non Kreatif Berunsur Islam
Sempena Sambutan Maulid Nabi *Shallallahu 'alaihi
wa sallam* 1446H/2024M

PUISI



Permata Agamaku

Kalimat bacaan Iqra' yang menggetarkan jiwa,
Bait-bait ayatmu yang menerangi qalbu,
Firman-firman kalam sucimu yang menyuluh seluruh alam,
Bak lantera menerangi alam semesta yang serba kegelapan.

Oh Islam,
Ku selami ajaranmu 1001 makna,
Islam mengajar kami erti kesejahteraan,
Islam mendidik kami erti mentaati Allah,
Islam mentadabburi kami menuruti suruhan Rasulullah.

Oh Islam,
Kau mengajar kami untuk mendalami ajaran al-Qur'an dan
as-Sunnah,
Kau mengajar kami berakhlak mulia,
Kau mengenalkan kami erti persaudaraan,
Kau membimbing kami mana hak dan batil.

Duhai agamaku,
Sesungguhnya kami menyantuni ajaran di dalamnya,
Sesungguhnya kami berpegang teguh dengan keimanan yang mulia,
Sesungguhnya hati kami diwarnai dengan pantulan cahaya kebenaran,
Sesungguhnya hidup kami diwarnai dengan ilmu duniawi dan ukhrawinya.

Oh Islam,
Sesuai dengan namamu,
Kesejahteraan untuk umat sejagat,
Keselamatan untuk mereka yang berada di alam maya ini,
Kehidupan yang diberkati seperti permata yang tinggi
nilainya.

Wahai saudaraku sesama Islam,
Marilah,
Marilah kita pelihara ia,
Kita teguhkan iman kita,
Kita pertahankan kebenaran ajaran agama Islam.

Jadikanlah al-Qur'an dan sunnah senjata kehidupan kita,
Kita jauhi segala kemungkaran,
Kita jauhi anasir kesesatan manusia,
Kita beriman, beramal dan berakhlak dengan Islam.

Oh Islam,
Kami bersyukur dengan mengenalimu,
Kami sanjungi kemuliaan agama ad-Din,
Kami berpegang teguh dengan warisan ajaran Rasulullah.

Duhai agamaku,
Kami santuni,
Kami pelihara,
Kami muliakan dan hidup bersamanya,
Demi keberkatan dan keredhaan dari
Allah Yang Maha Berkuasa.

R. Mohd

*Berhenti menyakiti, mulai menyayangi kerana
setiap orang berhak merasa aman dan dihargai.
Tindakan pembuli menunjukkan kelemahan
bukan kekuatan.*

Hentikan Buli



Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala
yang mafhumnya:

“*Dan mereka yang menyakiti orang-orang
yang beriman laki-laki dan perempuan
tanpa mereka ada melakukan kesalahan
maka sesungguhnya mereka telah memikul
kesalahan berbuat dusta dan
melakukan dosa yang nyata.*”

(Terjemahan Surah al-Ahzaab ayat 58)

Hentikan Buli

